

Jilid II
Bil. 47



MALAYSIA

Hari Jumaat
26hb Januari, 1973

PENYATA RASMI
OFFICIAL REPORT

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 5915]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1973:

Jawatankuasa—

Jadual

Kepala B. 41 [Ruangan 5944]

Kepala B. 42 hingga B. 48 [Ruangan 5986]

Kepala B. 49 hingga B. 51 [Ruangan 6013]

Kepala B. 52 hingga B. 60 [Ruangan 6032]

KANDUNGANNYA—(samb.)

KENYATAAN MENTERI PEMBANGUNAN NEGARA DAN LUAR BANDAR:

Surat Siaran [Ruangan 6012]

Perusahaan Tangan (Cottage Industry) [Ruangan 6020]

USUL-USUL:

**Waktu Mesyuarat dan Urusan Yang Dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat
[Ruangan 5943]**

Anggaran Pembangunan, 1973:

Kepala P. 41 [Ruangan 5944]

Kepala P. 42, P. 45, P.46, P. 48 [Ruangan 5986]

Kepala P. 49 hingga P. 51 [Ruangan 6013]

Kepala P. 52 hingga P. 57, P. 59, P. 60 [Ruangan 6032]

DICETAK OLEH

MOHD. DAUD BIN ABDUL RAHMAN, KETUA PENGARAH PERCETAKAN
MALAYSIA BARAT, KUALA LUMPUR

1973

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETIGA .

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KEDUA

Hari Jumaat, 26hb Januari, 1973

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR :

- Yang Berhormat Tuan (Timbalan) Yang di Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUN DR ISMAIL AL-HAJ BIN DATUK HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timur).
- Yang Berhormat Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J. (Pontian Utara).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Kelang).
- „ Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M., P.N.B.S. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan, TAN SRI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD, S.M.J. (Pontian Selatan).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSA HITAM (Segamat Utara).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).

- .. Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DATUK WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- .. Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).
- .. Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pertanian dan Perikanan, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- .. Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Rembau-Tampin).
- .. Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT, K.M.N. (Johor Bahru Barat).
- .. Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF BIN AHMAD (Langat).
- .. Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- .. TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- .. PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- .. TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- .. TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- .. TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- .. PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- .. TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).
- .. PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- .. DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- .. DATUK PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.N.B.S., P.B.S. (Julau).
- .. CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- .. TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- .. TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- .. AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).
- .. TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- .. TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- .. TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- .. TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).
- .. TUAN CHEN KO MING, A.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- .. DR CHEN MAN HIN (Seremban Timor).
- .. TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- .. DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- .. TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).
- .. TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).

Yang Berhormat TUAN V. DAVID (Dato Kramat).

- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang-Lupar).
- „ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- „ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- „ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- „ DATUK KHOO PENG LOONG, P.N.B.S., O.B.E. (Bandar Sibu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Sandakan).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- „ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- „ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).
- „ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ DATUK PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- „ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
- „ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).

- Yang Berhormat** TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).
- „ DATUK TAJUDIN BIN ALI, D.P.M.P., P.J.K. (Larut Utara).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).
- „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ DATUK JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).
- „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- „ TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).

YANG TIADA HADIR :

- Yang Berhormat** Tuan Yang di Pertua, TAN SRI DATUK CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, P.M.N., S.P.M.P., J.P., Datuk Bendahara Perak.
- Yang Amat Berhormat** Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N. (Pekan).
- Yang Berhormat** Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
- „ Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E., Q.M.C. (Ulu Rajang).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K., S.I.M.P. (Raub).
- „ Menteri Kebajikan Am, TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S., M.B.E. (Johor Bahru Timor).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kemajuan Tanah, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN HAJI NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- „ DATUK DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).

Yang Berhormat DATUK HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).

- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SAID, J.P. (Seberang Utara).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. UYONG (Labuk-Sugut).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Sungei Patani).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Kampar).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- „ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- „ TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN MOHD. ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- „ TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ DATUK SRI S. P. SEENIVASAGAM, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- „ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).
- „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG HADIR BERSAMA:

Yang Berhormat Menteri Tugas-tugas Khas, DR LIM KENG YAIK (Dilantik).

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

SENJATAPI—MENGGUNAKAN

1. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) dalam keadaan apakah maka seseorang mata-mata dibenarkan menembak senjatapinya untuk menangkap orang-orang yang disyaki melakukan kesalahan di segi undang-undang;
- (b) samada tembakan-tembakan yang dilepaskan oleh Mm Abdulillah, Mm Wan Ahmad dan Mm Ayob bin Md. Noor dari Balai Polis Kubor Panjang, Alor Star terhadap Ramli bin Ishak dan Ishak bin Hamid, pada 1-6-72 di Kampung Bukit Nyan, Mk. Lesong, Kedah termasuk dalam takrif Polis untuk menjalankan undang-undang dan
- (c) apakah penyiasatan-penyiasatan lanjut yang telah dijalankan oleh pihak berkuasa yang berkenaan untuk menyakinkan orang-orang kampung bahawa anggota-anggota Polis tidak melakukan perbuatan-perbuatan yang zalim.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Ali bin Haji Ahmad): Tuan Yang di Pertua,

- (a) Seseorang mata-mata adalah diberi kuasa oleh undang-undang menggunakan kekerasan yang sesuai (sufficient force) sehingga menggunakan senjatapi jika sekiranya ia sedang menangkap seorang yang dituduh di atas kesalahan yang hukumannya ialah hukuman bunuh atau di penjara seumur hidup yang cuba melarikan diri daripada kena tangkap. Senjatapi juga boleh digunakan oleh pegawai-pegawai Polis yang diancam yang mungkin menyebabkan kecederaan kepada badan atau yang boleh menyebabkan kematian atau cedera parah.

(b) Bagi menjawab soalan kedua saya suka menjelaskan bahawa 3 orang mata-mata telah dihantar oleh Balai Polis Kubor Panjang, Alor Star pergi ke Kampung Bukit Nyan supaya membawa baki Ramli bin Ishak yang disyaki sebagai seorang penjenayah kes pecah rumah dan mencuri. Mata-mata yang dihantar itu ialah Mata-mata 57107 Mohamed bin Rani, Mata-mata 1717 Abdullah bin Othman dan Mata-mata 26152 Ayob bin Mohamed Noor. Tidak ada Mata-mata Wan Ahmad yang dihantar ke situ seperti yang didakwa oleh Yang Berhormat itu. Dalam peristiwa ini hanya 2 orang mata-mata sahaja iaitu Mata-mata Mohamed bin Rani dan Mata-mata Abdullah bin Othman yang menggunakan senjatapi. Tindakan mereka itu adalah termasuk di dalam takrif yang dimaksudkan kepada pertanyaan oleh Yang Berhormat itu.

(c) Penyiasatan di dalam kes ini telahpun dijalankan oleh pihak Polis mengikut Kertas Siasatan No. 786/72 yang di edarkan kepada Yang Arif Timbalan Pendakwa Raya Kedah/Perlis bagi tindakan selanjutnya. Tindakan Mahkamah telah diselenggarakan ke atas kes ini dan akan dibicarakan pada 29-1-1973. Demikianlah tindakan yang telah diambil oleh pihak berkuasa bagi menyakinkan orang-orang kampung bahawa pihak Polis tidak melakukan perbuatan yang zalim.

RINGGIT MALAYSIA—KESUSUTAN KAWASAN STERLING

2. Tuan Edmund Langgu anak Saga (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan apakah akibatnya atas Ringgit Malaysia kerana kesusutan Kawasan Sterling kepada keahlian yang ada sekarang iaitu Britain, Ireland dan Pulau-pulau Channel dan bagaimanakah Ringgit kita disokongkan (backed) sekarang.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di Pertua, keputusan Kerajaan British hendak menghadkan Kawasan Sterling kepada Britain dan Republik Ireland, yang dengan sendirinya roboh Kawasan Sterling, tidak mempunyai apa-apa kesan ke atas kukuhannya.

dan kesetabilan ringgit Malaysia. Walau bagaimanapun, sebagai akibat dari keputusan Kerajaan United Kingdom mengapungkan (float) pound, yang diumumkan pada masa yang sama, Malaysia telah mengalihkan mata wang campur tangannya (intervention currency) daripada pound sterling kepada ringgit Amerika Syarikat. Ini telah diumumkan di dalam satu kenyataan umum yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 25hb Jun, 1972. Peraturan yang baru ini sejak itu telah berjalan dengan baik dan kedudukan yang tinggi ringgit Malaysia telah dapat dikekalkan.

Mengenai bahagian kedua pertanyaan Ahli Yang Berhormat, saya ingin menyatakan iaitu ringgit Malaysia adalah disokong lebih 100% oleh emas dan cadangan wang asing. Pada 23hb November, 1972, jumlah matawang Malaysia di dalam edaran adalah \$1,317 juta, sementara emas dan cadangan wang asing resmi, pada tarikh yang sama adalah kira-kira \$2,890 juta. Dari itu cadangan luar negeri kita, adalah lebih daripada dua kali ganda jumlah ringgit Malaysia di dalam edaran pada masa sekarang. Sokongan yang begini tinggi terhadap matawang adalah istimewa sekalipun di antara negara-negara maju.

KWSP—MEMBANTU PENCARUM

3. Tuan V. Veerappen minta Menteri Kewangan menyatakan samada beliau akan menaikkan jumlah yang boleh dikeluarkan dari Kumpulanwang Simpanan Pekerja oleh seseorang pencarum dari had yang dikenakan sekarang kepada 50% dan pada sebarang umur dengan syarat bukti yang memuaskan diberi bahawa wang itu adalah untuk tujuan membebi rumah.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat tahu, soal samada Kumpulanwang Simpanan Pekerja patut menolong membantu pencarum-pencarum yang hendak memiliki rumah sendiri telahpun dikemukakan dahulu dan saya sendiri telah meminta Lembaga Kumpulanwang Simpanan Pekerja menyiasat perkara ini. Saya tahu Lembaga ini telah membincangkan perkara ini dengan mendalam dan mendapati banyak masaalah-masaalah yang mungkin timbul. Oleh itu, Lembaga beium lagi mencapai keputusan tegas bagaimana perkara ini dapat dijalankan dengan sebaik-baiknya. Dengan hal yang

demikian, belumlah sampai masanya bagi saya mengatakan setakat ini samada cadangan Ahli Yang Berhormat itu dapat diterima atau tidak.

Saya bersetuju perkara ini telah lama sangat berpanjangan dan saya telah meminta Lembaga Kumpulanwang Simpanan Pekerja membuat keputusan secepat mungkin.

PENGANGGURAN BELIA-BELIA— MENGATASI

4. Raja Nong Chik bin Raja Ishak minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) rancangan Kerajaan untuk mengatasi masaalah pengangguran belia-belia terutama belia-belia Bumiputra yang berjumlah beberapa ribu orang; dan
- (b) apakah rancangan-rancangan Kerajaan bagi tahun-tahun 1973, 1974, 1975 dan 1976.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Yang di Pertua, A. Rancangan-rancangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk mengurangkan pengangguran di kalangan belia adalah ditujukan kepada semua belia dan tidak terhad hanya kepada satu golongan sahaja. Untuk mengatasi pengangguran di kalangan belia-belia Bumiputra, Kementerian ini bekerjasama dengan badan-badan Kerajaan yang lain yang ditugaskan khas untuk tujuan ini. Untuk mengatasi pengangguran di kalangan belia amnya, rancangan-rancangan yang sedang dijalankan sekarang ini yang boleh memberi kesan banyak dalam usaha mengurangkan pengangguran adalah:

- (a) Rancangan latihan Angkatan Pembina Negara dan Angkatan Belia Pelupur Negara di Dusun Tua. Pengambilan untuk Pusat ini adalah terbuka kepada semua belia tetapi diutamakan kepada belia-belia daripada kawasan luar bandar. Langkah-langkah bagi membesarkan latihan ini sedang diambil sekarang dan adalah diharapkan lebih ramai lagi belia-belia yang akan mendapat latihan.
- (b) Juga Kementerian telah melancarkan rancangan latihan sambil bekerja yang bermula di negeri Johor dan Pahang.

Rancangan ini akan diperluaskan ke seluruh negara. Keutamaan bagi mendapat latihan ini diberikan kepada belia-belia dari kawasan-kawasan yang kurang kemudahan mendapat kemahiran iaitu kawasan seperti yang terdapat di luar bandar.

- (c) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah juga melancarkan projek belia peladang iaitu satu-satunya projek yang akan menjadikan kegiatan berladang yang mengandungi kegiatan-kegiatan pertanian, penternakan, perikanan dan kerja-kerja yang berkaitan dengannya sebagai satu kegiatan yang boleh memberi pekerjaan dan pendapatan yang mencukupi.
- (d) Di samping ini Kementerian ini memainkan peranan yang baharu memandangkan bahawa masalah besar belia ialah juga masalah pengangguran. Kementerian ini telah mula mengambil peranan yang lebih berkesan dalam rancangan-rancangan Kerajaan untuk mengurangkan pengangguran. Daripada inilah timbulnya konsep "integrated approach" ataupun bekerjasama dengan badan-badan yang lain. Dengan konsep inilah terciptanya persetujuan untuk mengadakan pusat latihan bercorak baharu di Kuantan dengan kerjasama Kerajaan Negeri dan badan-badan yang lain yang berkenaan. Kementerian ini sedang merancang pusat-pusat latihan yang serupa ini di tempat-tempat yang lain yang dipandangkan sesuai.

B. Rancangan-rancangan yang telah disebutkan tadi adalah rancangan-rancangan baharu dan pelaksanaan baharu sahaja dimulakan dan dengan itu untuk tahun-tahun 1973, 1974 dan 1975, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan memperhebatkan lagi rancangan ini dengan meluaskan ke sebanyak-banyak kawasan yang difikirkan perlu. Pembinaan Pusat-pusat Latihan Belia yang baharu akan mengambil masa yang panjang dan projek ini serta perlaksanaannya juga akan memakan masa yang panjang untuk mencapai kejayaan yang sepenuhnya.

LESEN PUKAT TUNDA—ANCAMAN

5. Tuan Hashim bin Gera minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan mengapakah Kerajaan telah mengeluarkan terlalu

banyak lesen-lesen pukut tunda dan mengancam mata pencarian nelayan-nelayan perseorang dan dengan demikian mencetuskan kekacauan.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pertanian dan Perikanan (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di Pertua, lesen-lesen pukut tunda yang dikeluarkan hanya setelah menimbangkan sumber-sumber ikan yang terdapat dari tiap-tiap negeri. Hingga ke tarikh ini sebanyak 3,972 lesen-lesen pukut tunda telah dikeluarkan oleh bahagian perikanan Kementerian ini. Sungguhpun bilangan ini kelihatan banyak memandangkan kepada syarat-syarat yang dikenakan terhadap tiap-tiap lesen yang dikeluarkan itu pendapatan nelayan-nelayan lain daripada usahanya tidaklah terancam. Sungguhnya ada kekacauan berlaku. Ini adalah di beberapa tempat berpuncu dari beberapa sebab di antaranya ialah pencero-bohan kawasan pemegang lesen pukut tunda yang tidak patuh dengan syarat-syarat yang ditentukan.

Pencero-bohan oleh pengusaha-pengusaha pukut tunda yang tidak berlesen.

Perasaan irihati oleh nelayan-nelayan terhadap pendapatan dari perusahaan pukut tunda.

Perselisihan faham antara satu gulungan dengan gulungan yang lain yang berlarut-larutan. Kerajaan sentiasa menjalankan perondaan untuk mengawal daripada berlaku pergaduhan yang seumpama ini.

Tuan V. Veerappen: Kerajaan tidak dapat mengawal kecurian di laut. Bolehkah Kerajaan mencadang supaya diadakan satu pelabuhan ataupun base untuk pukut tunda jauh daripada orang-orang nelayan yang biasa?

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Sebenarnya pukut-pukut tunda yang dikeluarkan lesen ini mereka adalah tidak dibenarkan menangkap ikan-ikan ini yang berhampiran dengan pantai. Mereka ini dibenarkan menangkap ikan tidak kurang daripada 3 batu ke tengah mengikut berat bot-bot ini. Hanya apa yang saya katakan tadi sebahagian daripada mereka ini kadang-kadang tidak patuh dengan syarat-syarat ini.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Berkenaan dengan nelayan-nelayan pantai, adakah Kementerian Pertanian dan Perikanan satu rancangan untuk melindungi nelayan-nelayan pantai?

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Soalan itu tidak bersangkutan dengan soalan asal.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Adakah ada rancangan pihak Kementerian Pertanian dan Perikanan untuk mengeluarkan lesen pukat tunda di Trengganu?

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di Pertua, di Trengganu memang telahpun ada dikeluarkan lesen-lesen pukat tunda ini. Mengikut negeri-negeri memang ada lesen-lesen yang telah dikeluarkan di tiap-tiap buah negeri, tetapi walaubagaimanapun kalau maksud Ahli Yang Berhormat untuk mendapatkan tambahan lesen, maka permohonan ini hendaklah dibuat kepada Pejabat Perikanan Negeri supaya dapat disiasat lebih dahulu samada ikan di Trengganu itu boleh ditambah lagi pukat tunda yang ada ataupun tidak. Kalau sekiranya ikan tidak cukup pihak Kementerian ini tidak dapat menambah bilangan pukat tunda itu.

Tuan Ng Hoe Hun: Apakah jaraknya dari pantai pukat-pukat tunda boleh menangkap ikan? Kalau ada, apa sebabnya tidak ada satu demarkasi (demarcation)?

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di Pertua, soalan ini telahpun saya jawab iaitu pihak pukat-pukat tunda tidak dibenarkan menangkap ikan yang kurang daripada tiga batu daripada pantai. Jadi hendaklah tiga batu ke atas.

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang di Pertua, adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan itu sedar atau tidak dimakasi macammana boleh tahu kalau nelayan-nelayan pantai hendak pergi tangkap ikan pukat tunda memukul mereka?

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Adakah Ahli Yang Berhormat hendak suruh taruh pagar di tepi laut? (*Ketawa*).

Tuan Ng Hoe Hun: Ada satu dimakasi (demarcation) pakai buoy, Tuan Yang di Pertua, adakah atau tidak.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di Pertua, di dalam masalah ini pegawai perikanan dia mengetahui tempat-tempatnya tetapi memang susah kalau kita membuatkan sempadan di tengah laut. Saya suka memberi penerangan sedikit. Sepanjang bulan Januari, 1972 hinggaiah bulan Disember, 1972 banyaklah kejadian-kejadian yang telah diambil tindakan oleh Kementerian ini. Ada sebanyak 314 kes dan yang melibatkan kepada 314 buah bot dan jumlah nelayan ada sebanyak 1,275 orang yang terlibat dan denda yang dikenakan ada sebanyak \$84,610 dan jumlah ikan yang dilelong bersabit dengan kesalahan ini sebanyak \$2,167.70 dan pukat tunda yang dirampas 36 buah dan bot yang dirampas ada sebanyak 2 buah. Daripada jumlah kesalahan-kesalahan yang tersebut adalah terbahagi kepada beberapa bahagian. Di antaranya ialah 172 kes memukat pukat tunda tanpa lesen, ini tak ada lesen langsung dan 138 kes melanggar syarat-syarat lesen dan 3 kes adalah di bawah M50 dan 1 kes menyeludup beras secara haram.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Apa yang saya tahu di Trengganu bahawa yang dinamakan benar-benar pukat tunda tidak ada cuma yang ada pukat udang. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pertanian dan Perikanan sedar bahawa sebahagian besar nelayan-nelayan di Negeri Trengganu menentang adanya pukat tunda di negeri itu dan hal ini telah dipermaklumkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Trengganu dan kalau demikian adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bercadang supaya pukat tunda di Trengganu ditangguhkan dahulu pengeluaran lesennya.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di Pertua, masalah nelayan-nelayan di Trengganu adalah di dalam perhatian berat oleh Kementerian ini, kerana pada masa ini satu badan yang dinamakan Perusahaan Maju Ikan sedang menempah bot-bot pukat tunda yang dibuat di Dockyard MARA di sana. Ini adalah khas untuk kemudahan kepada nelayan-nelayan Trengganu melalui persatuan-persatuan nelayan di sana. Saya percaya Ahli Yang Berhormat ini memang sudah tahu, tetapi sengaja ingin hendak bertanya.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Sebab banyak lesen pukut tunda sudah keluar dan nelayan-nelayan pantai tidak puas hati, adakah atau tidak sampai sekarang Kerajaan satu rancangan untuk lawan pukut-pukat tunda dan nelayan-nelayan pantai. Kalau ada apa sebab lawan lagi.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di Pertua, soal hendak lawan ini macam mana kita hendak buat, macam mana kita hendak tahan, sebab Kementerian ini ada mempunyai 16 buah bot peronda yang boleh lari di antara 16 hingga 18 knot dan begitu banyaklah jumlah kes-kes yang telah ditangkap oleh Kementerian ini, tetapi dia hendak lawan juga apa yang kita hendak buat. Jadi ini kita berikhtiar untuk mengurangkan jumlah ini, tetapi kalau dia hendak lawan juga kita harap Ahli Yang Berhormat tolonglah beri kerjasama, sebab saya tahu kejadian ini yang banyak berlaku ialah disebelah Taiping.

Tuan Ng Hoe Hun: Berkenaan dengan bot-bot ronda, adakah Kementerian Pertanian dan Perikanan sedar ataupun tidak bahawa bot-bot ronda tak cukup langsung.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di Pertua, masalah cukup ataupun tak cukup ini tak timbul, sebab bot ronda ini adalah sebagai stand-by sahaja bila keadaan memaksa di mana kita akan tumpukan sama-sama dan selain daripada itu bot ronda ini ada mempunyai alat yang cukup dengan wireless dan selalu pihak polis memberi pertolongan yang seberapa segera jika ada kejadian-kejadian yang tidak diingini.

Tuan Hashim bin Gera: Soalan tambahan. Dalam banyak-banyak pukut tunda yang dikeuarkan oleh Kerajaan itu berapakah yang didapati oleh nelayan bumiputra.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di Pertua, saya minta notis.

HOSPITAL SUNGAI SIPUT

6. **Tuan R. C. M. Rayan** minta Menteri Kesihatan menyatakan samada Kerajaan bercadang membina sebuah Hospital di Sungai Siput (Utara) iaitu sebuah Bandar yang sedang maju dengan cepatnya dengan

penduduk-penduduk seramai 30,000 orang atau lebih menyebabkan sangat perlu dibina sebuah Hospital untuk faedah penduduk-penduduk di situ dan juga mereka di Kampung-kampung dan Kampung-kampung Baru di sekelilingannya dan memandang bahawa hospital yang paling dekat di Kuala Kangsar dan Ipoh adalah sejauh 14 dan 20 batu masing-masingnya dari sana serta sistem pengangkutan di kawasan itu sangat susah terutama pada waktu malam.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di Pertua, tidak ada cadangan hendak membina sebuah hospital di Sungai Siput dalam Rancangan Malaysia Kedua. Pada masa ini ada sebuah Pusat Kesihatan Kecil di Sungai Siput dengan sebuah ambulan yang ditempatkan tetap di situ. Ambulan ini sentiasa ada bagi kegunaan orang ramai bagi membawa pesakit-pesakit yang berkehendakan rawatan samada di Kuala Kangsar atau di Ipoh. Sebuah Pusat Kesihatan Kecil juga telah dibina di Kampung Lintang yang terletak 12 batu daripada Sungai Siput.

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana tidak ada rancangan Kerajaan hendak membuat sebuah hospital di pekan Sungai Siput yang penduduknya lebih 30,000 orang itu, adakah boleh Kementerian Kesihatan meletakkan seorang doktor di tempat itu untuk merawat orang-orang sakit yang datang.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di Pertua, barangkali Ahli Yang Berhormat tidak faham apakah dasar Kementerian Kesihatan. Yang sebenarnya adalah doktor-doktor kita melawat di pusat kesihatan kecil dengan dua hari seminggu, memang ada. Ini memang satu dasar pada Kementerian dan juga Sungai Siput adaiah sebuah kawasan di antara Ipoh dan Kuala Kangsar. Daripada Sungai Siput pergi ke Ipoh cuma 16 batu atau 17 batu sahaja dan dari Kuala Kangsar cuma 17 batu sahaja dan juga Kerajaan telah membangunkan sebuah hospital besar baharu untuk menggantikan Hospital Umum Ipoh. Jadi pada masa yang akan datang hospital Ipoh ialah boleh dikatakan sebuah hospital yang moden yang perbelanjaannya lebih kurang \$40 juta. Jadi kita tak payahlah membuat apa-apa pada masa sekarang di kawasan Sungai Siput.

GURU-GURU ILMU KHAS

7. **Tuan V. Veerappen** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau akan menimbangkan meninggikan lagi taraf guru-guru Ilmu Khas di dalam Perkhidmatan Pelajaran, dan jika tidak, mengapa.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran (Tuan Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di Pertua, jawabnya tidak. Ini ialah kerana latihan ilmu khas yang diberi kepada guru-guru itu merupakan latihan di dalam perkhidmatan yang bertujuan untuk meninggikan lagi mutu pengajaran guru-guru tersebut di dalam bidang masing-masing.

PEMBALAK MELAYU—BANTUAN

8. **Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan bantuan yang telah diberikan kepada pembalak-pembalak Meiyau.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Yang di Pertua, soalan ini adalah didapati sangat umum untuk dapat diberi jawapan yang tepat. Bantuan di bidang apakah yang sebenarnya diperlukan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak dapat dipastikan. Selain dari itu adakah pertanyaan itu ditujukan khas kepada gulungan pembalak-pembalak sahaja ataupun khas disegenap lapisan penyertaan Bumiputra dalam perusahaan kayu-kayan. Dalam keadaan yang demikian, jawapan pun terpaksa bersifat umum sahaja. Kerajaan adalah memang bersungguh-sungguh untuk melaksanakan hasratnya mendapatkan penyertaan bumiputra yang sepesat-pesatnya dalam perusahaan perkayuan. Di bidang pemberian kawasan hutan, yang telah diberi kepada Bumiputra memanglah telah meningkat lebih tinggi daripada yang diberikan kepada orang-orang bukan Bumiputra. Di bidang pemasaran balak, orang-orang dan syarikat-syarikat bumiputra telah diberi quota untuk mengekspot balak ke luar negeri.

Di bidang perkilangan kayu, kemudahan dan peluang telah diberi dengan penuh keistimewaan. Perancangan dan pembinaan kompleks perusahaan kayu yang besar-besar dalam negara ini seperti Syarikat

Jengka Sdn. Berhad, Syarikat Ibam Sdn. Berhad, Syarikat Lesong Sdn. Berhad dan lain-lain adalah khas bagi penyertaan orang-orang bumiputra.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama sedar bahawa kedudukan orang-orang Melayu dan bumiputra dalam bidang ini adalah lebih banyak merupakan sebagai hanya menerima komisyen dengan pemodal-pemodal lain di mana mereka menjadi kesulitan untuk mengadakan perusahaan sendiri dengan tidak ada pengalaman dan tidak ada modal. Adakah Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama telah pun membuat satu rancangan untuk memberi latihan kepada mereka dan latihan itu antaranya termasuk memasukkan orang-orang Meiyau dan bumiputra dalam syarikat-syarikat yang mengendalikan syarikat perusahaan perkayuan dan balak bagi mereka dapat berdiri di atas kaki sendiri di masa yang terkemudian.

Datuk Haji Abdul Taib Mahmud: Tuan Yang di Pertua, Kerajaan kita sekarang ini ada rancangan mendirikan beberapa buah sekolah di beberapa tempat untuk melatihkan mereka yang ingin hendak bekerja pembalak dan peringkat field. Bagi peringkat management, saya rasa tidaklah ada kemudahan yang dapat kita berikan di sini yang boleh melatih seseorang menjadi manager kayu balak, tetapi kalau ada yang datang hendak meminta nasihat, meminta scholarship, kalau mereka ada mempunyai pengetahuan asas, saya boleh menolong mereka hendak menjadi seorang manager. Tentang cadangan hendak membubuhkan seseorang bumiputra supaya dapat masuk belajar menjaikan perusahaan dalam sebuah syarikat yang dipunyai oleh orang yang bukan bumiputra, saya fikir itu kita boleh rundingkan dengan syarikat-syarikat yang baik. Mereka pun, saya fikir tidak akan menolak, kalaulah calunnya ada pengetahuan asas.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Berkenaan dengan Soalan 8 kalau saya boleh bawa satu bukti atau memorandum untuk menunjukkan bantuan yang telah diberikan kepada pembalak Melayu sudah jadi "Ali-Baba" apakah tindakan Menteri hendak ambil?

Datuk Haji Abdul Taib Mahmud: Tuan Yang di Pertua, apa-apa tindakan hendak diambil tengoklah merit of each case, apa kekurangannya, apa kesalahannya dan kalau diminta tolong dengan kita, boleh kita carikan ubatnya.

Tuan Ng Hoe Hun: Bolehkah ditarik balik bantuan itu?

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Bawa bukti itu dahulu!

KAMPUNG BARU—JUMLAH

9. Tuan Chan Fu King minta Menteri Tugas-tugas Khas menyatakan jumlah kampung-kampung baharu di mana industri telah didirikan sejajar dengan dasar Rancangan Malaysia Kedua untuk mengadakan industri di luar bandar, sejak perlintikannya sebagai Menteri pada 1hb Januari, 1972 dan beri butir-butir.

Menteri Tugas-tugas Khas (Dr Lim Keng Yaik): Tuan Yang di Pertua, soalan ini memberi pengertian bahawa saya bertanggungjawab menubuhkan perindustrian di kampung-kampung baru. Ini tidak benar tetapi di bawah Rancangan Malaysia Kedua Kerajaan mengambil berat tentang penubuhan perusahaan-perusahaan dan menempatkannya di kawasan-kawasan luar bandar; dan dengan tujuan menarik perusahaan-perusahaan ke kawasan-kawasan luar bandar termasuk kampung-kampung baru Kerajaan telah membentangkan di dalam Parlimen kemungkinan memberi keistimewaan-keistimewaan (incentives) yang lebih baik dan menarik bagi perusahaan yang ditempatkan di kawasan-kawasan yang kurang maju. Di beberapa buah Negeri tapak-tapak perusahaan telahpun diadakan di beberapa buah kampung baru atau di kawasan-kawasan yang berhampiran dengannya.

Tuan V. Veerappen: Soalan tambahan. Adakah Menteri ini sedar iaitu tujuan Kerajaan Pusat, sungguhpun bukan tujuan Kementerian beliau itu ada berlawanan dengan tujuan Kerajaan Negeri masing-masing, iaitu tujuan Kerajaan masing-masing ialah bagi mengadakan tempat perindustrian dekat dengan bandar-bandar besar seperti Pulau Pinang, Butterworth, Ipoh dan Kuala Lumpur, jadi apakah tindakan Kerajaan Pusat akan ambil untuk memberi peluang kepada pengusaha-pengusaha supaya boleh rapat dengan bandar-bandar besar itu?

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Yang Berhormat Menteri itu telah menjawab iaitu beliau tidak ada bertanggungjawab berkenaan dengan industri yang masuk di dalam kampung-kampung baru.

Tuan V. Veerappen: Sungguhpun begitu, Tuan Yang di Pertua, saya bertanya ini ialah oieh kerana polisi ini adalah berlawanan dengan polisi Kerajaan Negeri masing-masing.

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Itu bukan tanggungjawab Yang Berhormat Menteri ini.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Di kampung-kampung baru ada berapa jenis kilang-kilang perusahaan telah didirikan?

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Itu juga bukan tanggungjawab Yang Berhormat Menteri ini.

MAS—PENDARATAN DI BRUNEI

10. Tuan Luhut Wan minta Menteri Perhubungan menyatakan apakah persediaan yang sedang dibuat supaya penerbangan MAS berhenti di Miri, Limbang atau Labuan, memandangkan bahawa Kerajaan Brunei enggan memberi kebenaran kepada MAS untuk mendarat di Lapangan-terbang Bandar Seri Begawan.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di Pertua, perkara ini tidak berbangkit lagi, sebab MAS telah diberi kebenaran mendarat di Brunei.

PEKERJA MIDLAND ESTATE

11. Tuan Hor Cheok Foon bertanya kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat adakah beliau bercadang untuk menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada pekerja-pekerja ladang yang telah kehilangan pekerjaan oleh kerana Midland Estate di Bukit Jelutong dan ladang-ladang lain yang telah diambil untuk pembinaan ibukota Negeri Selangor yang baru dan kawasan perusahaan di Batu Tiga.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di Pertua, pekerja-pekerja ladang yang telah kehilangan pekerjaan yang mencari pekerjaan baru bolehlah mendaftarkan nama mereka di mana-mana Pejabat Pekerjaan di negara ini. Pejabat-pejabat Pekerjaan akan menolong mereka dalam apa cara juga yang mungkin bagi mendapatkan pekerjaan bagi mereka. Sebahagian dari mereka yang terlibat di Ladang Midland telah diberi bantuan untuk mendapatkan pekerjaan di Shah Alam.

Tuan V. David: Soalan tambahan. Bolehkah Menteri Buruh menerangkan berapa orang yang hilang pekerjaan di Midland Rubber Estate dan Bukit Jelutong yang mendapat kerja di Shah Alam yang banyak didirikan Kilang dan berapa orangkah yang telah didaftarkan?

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di Pertua, buruh di sana bukan sahaja bekerja di kilang-kilang di Shah Alam, tetapi ada juga yang bekerja di tempat lain. Oleh sebab pekerja-pekerja itu tidak memberitahu kami di mana mereka bekerja sekarang, saya pun tidaklah boleh memberitahu Dewan ini mengenai maklumat itu.

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, adakah Menteri Buruh sedar beribu-ribu orang telah mendaftar dalam pusat pekerjaan yang terpaksa menunggu sampai 3 tahun, tidak dapat kerja atau jawapan. Jadi berapa tahunkah seseorang mesti menunggu dan didaftarkan supaya boleh mendapat pekerjaan?

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Tak bersangkut-paut dengan soalan asal.

KILANG BATIK—JUMLAH PEKERJA

12. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan jumlah orang-orang yang diambil bekerja dalam semua kilang-kilang batik di Malaysia Barat dan jumlah nilai pengeluaran mereka bagi tahun-tahun 1970 dan 1971 dan berapa peratus pengeluaran mereka bagi tempoh itu yang telah diekspotkan.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Musa Hitam): Tuan Yang di Pertua, adalah sukar untuk menentukan beberapa ramai orang yang bekerja di dalam

kilang-kilang batik di Malaysia Barat, tetapi mengikut angka-angka yang ada di Kementerian saya setakat ini terdapat lebih kurang 1,017 orang bekerja secara langsung di dalam perusahaan batik di Malaysia Barat.

Tidak ada angka-angka yang dikumpul berasas kepada tahun 1970 dan 1971. Mengikut siasatan yang dijalankan oleh MARA pada tahun 1971 pengeluaran batik adalah dianggarkan berjumlah 17.31 juta ela persegi. Jika diambil harga batik sebagai \$2.00 seela hitung panjang maka nilai pengeluaran pada tahun tersebut adalah berjumlah kira-kira \$34.62 juta.

Juga, tidak ada perangkaan yang dikumpul mengenai jumlah batik yang diekspot sebelum tahun 1971 oleh sebab pada tahun itu batik adalah dikelaskan bersama-sama dengan kain-kain yang dicap (printed textiles). Hanya pada tahun 1971 sahaja batik telah mulai dikelaskan sebagai satu item eksport yang berasingan. Pada tahun tersebut, 1,012,929 ela persegi batik bernilai \$1.3 juta telah diekspot. Ini adalah lebih kurang 6% daripada jumlah pengeluaran pada tahun tersebut.

BUAH-BUAHAN TEMPATAN— GALAKAN

13. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan apakah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kementerian untuk menggalakkan bertambahnya pengeluaran buah-buahan tempatan memandangkan kepada dasar-dasar Kerajaan supaya jangan menggalakkan pengimporan buah-buahan dagang.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di Pertua, bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat itu, tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kementerian Pertanian dan Perikanan untuk menggalakkan tambahan pengeluaran buah-buahan tempatan adalah dengan bermacam-macam cara.

(i) Benih baka baik ada dijual dengan harga yang berpatutan untuk menggalakkan tanaman buah-buahan tempatan;

(ii) Usaha menyelidik yang dijalankan oleh Instituti Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia dan juga oleh Bahagian Kajiteknik Makanan yang

ditubuhkan ke arah memperbaiki baka benih-benih jenis yang baik, menentukan cara-cara memelihara dan mendidik tanaman itu untuk mengelakkan kualiti buah-buahan tempatan dan mengkaji cara-cara mengendali, membungkus dan memproses buah-buahan;

- (iii) Merancang, mengadakan kemudahan-kemudahan latihan dan menggalakkan tanaman buah-buahan tempatan di kawasan-kawasan yang sesuai bagi perusahaan ini;
- (iv) Bantuan-bantuan pengeluaran diberi oleh Jabatan Pertanian Negeri untuk menanam semula dusun buah-buahan sebanyak \$200.00 seekar dan untuk pemulihan tanaman dusun berharga sebanyak \$100.00 seekar untuk digantikan dengan pokok-pokok buah-buahan baru. Bantuan tersebut ialah untuk membeli benih, baja racun dan sebagainya; dan
- (v) Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan juga menambah peluang serta memperbaiki pasaran bagi buah-buahan tempatan dengan memberi pendorong kepada pengeluar melalui kempen sebaran am, pertunjukan-pertunjukan dan pameran-pameran yang dilakukan berserta dengan Jabatan-jabatan Kerajaan dan Perbadanan seumpamanya Radio, Talivisiyen, Surat-surat kabar, Sekolah-sekolah, Perkumpulan Perempuan, Persatuan-persatuan Peladang dan sebagainya.

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Setelah saya mendengar penerangan Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pertanian dan Perikanan, segala rancangan-rancangan itu memanglah baik, tetapi tidakkah pula Kementerian Pertanian dan Perikanan bercadang hendak membuka tanah. Kalau rancangan baik kalau tidak ada tanah yang hendak ditanam, apa hendak ditanam? Jadi adakah Kementerian Pertanian dan Perikanan membuat satu rancangan akan memberi tanah kepada penduduk-penduduk luar bandar, terutama bumiputra yang ingin dan dahaga kepada tanah untuk bercucuk tanam buah-buahan supaya banyak buah-buahan Malaya ini.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Soal memberi tanah ini bukan tanggungjawab Kementerian Pertanian. Tiap-tiap

seorang yang ingin memohon tanah boleh memohon kepada pihak Kerajaan Negeri, sesudah mendapat tanah mintalah pertolongan kepada Kementerian ini untuk mendapatkan apa-apa kemudahan yang boleh kita beri.

Tuan Hashim bin Gera: Soalan tambahan. Sebenarnya tanah itu dalam jagaan Kerajaan Negeri, tetapi tidakkah boleh dengan belas kasihan daripada Kementerian Pertanian dan Perikanan memberitahu kepada tiap-tiap Menteri Besar supaya jika ada permohonan untuk tanah bagi tanaman buah-buahan digalakkan dan diberi peluang. Jangan kalau hendak minta tanah dengan Kerajaan Negeri, tiga ekar tanah menunggu tiga tahun. Surat tuan selamat diterima dalam timbangan, dia timbang sampai 3 tahun, tetapi tidak dapat.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di Pertua, agak saya susah sedikit Kementerian ini hendak mencampurtangan pentadbiran Kerajaan Negeri. Tetapi walaupun bagaimanapun Kementerian Pertanian dan Perikanan pihak Pusat-pusat penyelidik ataupun Mardi telah mencari beberapa tempat-tempat untuk membuat percubaan bagi menjalankan kajian tanaman buah-buahan ini yang baik di beberapa buah negeri di dalam Malaysia ini. Tetapi walaupun bagaimanapun saya percaya dengan adanya Yang Berhormat ini, kalau benar-benar ia boleh jumpa dengan Menteri-menteri Besar yang berkenaan, saya percaya boleh diberi layanan yang baik.

(Dr Awang *mempengerusikan Mesyuarat*)

PELABURAN MODAL ASING

14. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada Kerajaan sedar bahawa sebilangan rakyat negeri ini tidak suka kepada pelaburan modal asing di negeri ini, jika ia, apakah langkah yang telah dijalankan untuk menghilangkan keraguan ini.

Tuan Musa Hitam: Tuan Yang di Pertua, dasar menarik pelaburan asing ke negeri ini telah diterima oleh Parlimen sendiri iatu satu-satu institusi yang betul-betul mewakili rakyat jelata Malaysia. Mereka yang menentang pelaburan asing mungkin kurang faham atas persoalan ini.

Untuk pengetahuan pihak-pihak yang kurang faham atas persoalan pelaburan asing, saya ingin menegaskan bahawa pelaburan asing memberi kebaikan kepada negara daripada segi berikut:

- (i) Sungguhpun ada terdapat modal-modal tempatan, modal-modal asing adalah perlu untuk membiayai projek-projek perindustrian yang besar-besar;
- (ii) Untuk melaksanakan rancangan perindustrian, Malaysia tidak boleh bergantung semata-mata kepada modal tempatan. Kebanyakan daripada projek-projek perindustrian adalah memerlukan kemahiran teknologi dan kemahiran iktisas yang tidak dapat diperolehi di negara ini. Pelaburan asing akan membawa bersamanya kemahiran-kemahiran teknologi dan iktisas melalui perusahaan bersama dengan pengusaha-pengusaha Malaysia; dan
- (iii) Pelaburan asing akan membolehkan projek yang diusahakan bersama mendapat pasaran di luar negeri, lebih-lebih lagi jika syarikat asing ini sebuah syarikat multi-national yang sudah pun mempunyai pasaran pembahagian yang kukuh di luar negeri.

Oleh yang demikian saya berharap penjelasan-penjelasan yang tersebut di atas akan dapat menghapuskan kesangsian mereka yang kurang faham atas soal ini. Saya ingin menambah bahawa Kerajaan sedar akan perlunya mengawasi ekonomi negara dan lain kepentingan negara bersabit dengan perkara ini. Berasaskan kepada inilah maka pelaburan asing di negara ini dikehendaki mematuhi beberapa garisan dasar untuk menentukan operasi mereka tidak akan merosakkan kepentingan negara.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Adakah Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian sedar bahawa gerakan menentang atau anti kepada pelaburan asing ini adalah datang daripada golongan yang banyak juga di negeri ini, iaitu daripada golongan-golongan kiri ataupun orang-orang yang berfahaman kiri yang sedang pergi menghasut di merata cerok-rantau rakyat di negeri kita ini. Apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan tidak membuat satu penyelarasan atau kerjasama

dengan Yang Berhormat Menteri Penerangan supaya penerangan ini dapat difaham benar-benar oleh seluruh rakyat terutamanya di peringkat-peringkat rendah.

Tuan Musa Hitam: Tuan Yang di Pertua, saya memang sedar bahawa ada segelintir kalangan rakyat yang menentang pelaburan asing di negara kita ini, tetapi dari segi hendak mengukur samada dasar ini diterima atau tidak, pihak-pihak yang berkenaan itu sudahpun diberi peluang untuk bertanding di dalam pilihanraya beberapa kali dan dengan kemenangan yang telah didapati oleh pihak Kerajaan kita, samada Perikatan atau parti-parti yang berasingan dengannya. Maka dapatlah kita tentukan bahawa dasar ini telah diterima dengan mendapat great majority di dalam negara kita ini. Dari segi penjelasan berhubung dengan Kementerian Penerangan, saya percaya Ahli Yang Berhormat itu tentulah sedar bahawa penjelasan inipun sudah dibuat melalui akhbar ataupun melalui mass media, radio atau talivisyen, terutama sekali dalam masa kita mengadakan perbincangan-perbincangan di dalam Parlimen dan saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat seperti yang bertanya tadi akan membantu Kerajaan memberi penjelasan kepada rakyat jelata atas soal ini.

Tuan Hashim bin Gera: Soalan tambahan. Kerana Kerajaan negara ini memanggil modal luar melaburkan modal ke dalam negeri ini, tetapi semakin banyak pelaburan modal dan mendirikan kilang-kilang, apakah sebabnya dan apa tindakan yang akan dibuat oleh Menteri Perdagangan dan Perindustrian barang di dalam negara ini bertambah mahal. Misalnya, tidak ada kilang tayar, ada dalam negeri ini kilang tayar tetapi harga tayar makin mahal; tidak ada kilang kain dalam negeri ini ada kilang kain tetapi harga kain makin mahal. Apakah tindakan yang akan dibuat oleh Menteri Perdagangan dan Perindustrian untuk menghilangkan keraguan rakyat yang tidak suka daripada pelaburan modal ini.

Tuan Musa Hitam: Tuan Yang di Pertua, jawapannya ialah supaya Kerajaan memperbanyakkan lagi barang-barang pengeluaran di dalam negara kita ini hasil terutama sekali daripada modal luar. Sebabnya maka barang-barang ini harganya mahal ialah

bahawa sungguhpun kita ada kilang-kilang yang tertentu di dalam negara kita ini, barang-barang yang dikeluarkan ini masih belum cukup lagi di dalam negara kita ini.

Tuan Hashim bin Gera: Pelaburan modal ini bukanlah Kerajaan telah memberi dia taraf perintis dengan tidak mengenakan cukai selama 5 tahun. Jika satu kilang beruntung \$2 juta setahun. Kalau 10 kilang \$20 juta duit negara ini sudah terbang keluar, tetapi barang masih mahal dan rakyat masih menderita.

Tuan Musa Hitam: Tuan Yang di Pertua, dasar taraf perintis ini ialah untuk kita membantu industri-industri ini supaya mereka akan tiba pada masanya di mana mereka akan dapat balik modal dan selepas dapat balik modal itu membesarkan industri-industrinya dan mengembangkan industri-industrinya supaya akan dapat melebihi lagi pengeluaran daripada industri-industri ini.

Tuan Hashim bin Gera: Bantuan itu memang patut, tetapi bantuan yang secara ini akan menyusahkan rakyat, akan memiskinkan negara. "Kera di hutan disusukan; anak dipangku diletakkan; dagang lalu ditanak; tiada kayu rumah dirubuhkan, suami pulang kelaparan." Rakyat negara ini menderita dengan hal keadaan begitu. Mengapa Kerajaan tidak bertindak.

Tuan Musa Hitam: Tuan Yang di Pertua, saya tidak ada hendak tambah lagi dari segi tindakan Kerajaan. Jawapan yang saya beri tadi ialah meliputi segala tindakan-tindakan yang telah dijalankan oleh Kerajaan. Saya percaya keadaan ini ialah sementara di dalam negara ini pengeluaran belum cukup. Tetapi saya tidak dapatlah melawan Ahli Yang Berhormat ini di dalam pantun. (*Ketawa*).

PENSIL—HARGA

15. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada beliau sedar bahawa pensil-pensil yang dibuat di dalam negeri adalah keras dan lebih tinggi harganya daripada pensil-pensil yang diimport, jika ya, apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memperbaiki keadaan ini.

Tuan Musa Hitam: Tuan Yang di Pertua, di negeri ini ada berbagai-bagai jenis pensil yang dikeluarkan dan pensil-pensil ini adalah untuk berbagai-bagai kegunaan. Ada yang keras dan ada yang lembut bergantung kepada kegunaannya. Harga pensil-pensil yang dikeluarkan di negara ini adalah setanding dengan pensil-pensil yang diimport dari luar negeri. Suka juga saya menambah bahawa pensil-pensil buatan Malaysia adalah dieksport ke luar negeri. Ini adalah menunjukkan bahawa pensil-pensil tempatan adalah berpatutan dari segi harga dan tinggi dari segi mutu.

TANAH-TANAH TERGADAI

16. Tuan Sulaiman bin Bulon minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan samada Kementerian ini menjalankan apa-apa tindakan atau memainkan apa-apa peranan atau mengambil inisiatif untuk menyelesaikan pertikaian pajak-memajak tanah pekebun-pekebun kecil iaitu tanah dalam Simpanan Melayu yang telah menyebabkan kekecuaan di Hilir Perak baru-baru ini dan apakah langkah-langkah yang telah diambil bersabit dengan perkara itu.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Tuan Yang di Pertua, Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara yang bertanggungjawab bagi menebus kembali tanah-tanah orang Melayu yang tergadai dahulunya duduk di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, tetapi sekarang ini telah berpindah kepada Kementerian yang baharu iaitu Kementerian Tanah.

Walaupun bagaimanapun, saya suka memberikan jawapannya bahawa semenjak dijalankan rancangan ini, Lembaga tersebut telah menerima pengaduan daripada 83 pemohon. Di antaranya dua permohonan telahpun dapat diselesaikan iaitu telah ditebus semula seluas 9 ekar. Dua permohonan yang lain berjumlah 11 ekar sedang dipertimbangkan untuk ditebus semula. Tindakan sedang juga diambil bagi tiga pengaduan seluas 15 ekar masih lagi dalam pembicaraan di mahkamah. Dan bakinya sebanyak 25 permohonan lagi seluas lebih kurang 100 ekar sedang disiasat tetapi tidak ada satu pun permohonan yang diterima yang datangnya daripada jajahan Hilir Perak.

EKSEPT KAYU BALAK

17. Tuan Ahmad bin Haji Ithnin (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan, memandangkan kepada berita-berita akhbar baru-baru ini bahawa kilang-kilang papan dan kilang papan lapis telah ditutup kerana kekurangan kayu balak, adakah benar bahawa balak-balak itu telah diekspotkan dan ini menyebabkan kilang-kilang papan dalam negeri tidak mendapati bahan-bahan mentah; jika benar, nyatakan apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan mengenai ekspot kayu balak keluar dari Malaysia Barat dan berapa banyak yang telah diekspotkan dalam tahun 1970 dan 1971.

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di Pertua, adalah benar kayu-kayu balak telah diekspot keluar negeri. Dalam tahun 1970, lebih kurang 1.15 juta tan kayu balak yang bernilai lebih kurang \$99 juta telahpun diekspot dan dalam tahun 1971, lebih kurang 1.13 juta tan kayu balak bernilai \$101 juta telahpun diekspot. Mengenai sebab-sebab kekurangan kayu balak dan tindakan yang telah diambil sila rujuk kepada jawapan saya yang telah diberi di persidangan Parlimen kali ini pada 22-1-1973.

GURU-GURU—GAJI PARITI

18. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) Samada beliau sedar menurut lampiran "B" Pekeliling Perkhidmatan 10/71, Kerajaan telah menempatkan guru-guru Melayu lepasan SITC/MWTC/TUOS yang lulus darjah IV, V dan VI sebelum Perang dalam Kategori C2 dan memberikan mereka perubahan gaji mula 1-1-70 sedangkan menurut Pekeliling Perkhidmatan 10/72 Kementerian Pelajaran guru-guru UTS ke-lulusan Senior Middle III diberikan gaji pariti mulai 1-1-58. Jika sedar, nyatakan sebab-sebab berlakunya keadaan yang tidak seimbang ini; dan
- (b) samada beliau bercadang hendak memberi guru-guru Melayu tersebut gaji pariti mulai daripada 1-1-1958 dan jika tidak, mengapa.

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di Pertua, Ya, saya mengakui perkara yang ditimbulkan dalam soalan (a).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kedua-dua Pekeliling Perkhidmatan tersebut adalah berlainan maksudnya.

Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 1971 bertarikh 15hb Disember, 1971, adalah untuk maksud pelaksanaan Lapuran Aziz yang berjalan kuatkuasanya mulai 1-1-1970.

Surat Pekeliling Perkhidmatan Kementerian Pelajaran Bilangan 10 Tahun 1972 yang bertarikh 24hb Mei, 1972, adalah untuk maksud perubahan gaji guru-guru ber-kelayakan SPM atau MCE atau yang setaraf dengannya di bawah UTS yang tidak pernah diberi tanggagaji Sijil Persekolahan dan ini termasuklah kelayakan Senior Middle III.

Guru-guru Melayu ber-kelayakan SPM atau MCE atau yang setaraf dengannya telahpun ditempatkan ke atas tanggagaji Sijil Persekolahan oleh Kementerian Pelajaran mengikut surat Kementerian Pelajaran K.P. Sulit 011/G/(60) yang bertarikh 25hb Ogos, 1964, yang dikuatkuasakan mulai daripada 1-1-1958. Jadi untuk mendapat perubahan gaji mulai daripada 1-1-1958 guru-guru Melayu lepasan SITC/MWTC/TUOS yang lulus darjah IV, V dan VI sebelum perang mestilah ada mempunyai SPM/MCE ataupun yang setaraf dengannya. Bahawasanya guru-guru tersebut telah ditempatkan ke atas tanggagaji C2 mulai 1-1-1970, walaupun mereka tidak mempunyai SPM/MCE ataupun yang setaraf dengannya adalah merupakan satu keistimewaan kepada mereka semata-mata.

Memandangkan kepada penjelasan saya tadi maka saya dukacita tidak dapat memberi perubahan gaji kepada guru-guru Melayu lepasan SITC/MWTC/TUOS yang lulus darjah IV, V dan VI sebelum perang ke dalam Kategori C2 mulai daripada 1-1-1958.

GURU-GURU LATIHAN MAKTAB TEKNIK

19. Dr Tan Chee Khoo minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau akan memberikan sekim gaji yang lebih baik kepada guru-guru latihan maktab teknik yang mempunyai STP, dan jika tidak, mengapa.

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di Pertua, saya kira yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah guru-guru

terlatih yang mempunyai Diploma daripada Maktab Teknik yang juga mempunyai STP. (Sijil Tinggi Pelajaran).

Guru-guru terlatih yang mempunyai Diploma Maktab Teknik adalah ditempatkan ke dalam tanggagaji T1 di dalam Kategori T. Bagi guru-guru dalam Kategori T ini yang diutamakan ialah kelulusan teknikalnya.

Oleh yang demikian, Kerajaan tidak bercadang hendak memberikan satu tanggagaji yang lebih baik daripada tanggagaji T1 bagi guru-guru yang mempunyai Diploma Maktab Teknik serta Sijil Tinggi Pelajaran.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat tanggagaji T1 ialah $\$600 \times 40-640 / 680 \times 40-800 / 920 \times 40-1000$. Tanggagaji ini adalah lebih baik daripada tanggagaji C1 iaitu tanggagaji bagi guru-guru yang mempunyai Sijil Tinggi Pelajaran. Tanggagaji C1 ialah $\$430 \times 30-490 / 520 \times 30-670 / 700 \times 30-820 / 850 \times 30-1000$.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Tadi Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran menyatakan oleh sebab guru-guru yang lulus daripada maktab perguruan yang mustahak ialah kelayakan teknikal iaitu kelulusan daripada maktab perguruan dan jika mereka dapat kelulusan HSC, itu tidak kira katanya, di dalam gajinya. Saya hendak bertanya kepada Setiausaha yang berkenaan jika seorang guru yang lulus daripada maktab perguruan dan kemudiannya lulus mendapat ijazah daripada universiti, adakah Kementerian Pelajaran hendak memberi tanggagaji lama atau tanggagaji untuk siswazah-siswazah?

Tuan Mohamed bin Rahmat: Pertama sekali saya suka menjelaskan bahawa daripada jawapan yang saya berikan tadi, diploma daripada maktab teknik ini disetarafkan dengan kelulusan STP. Akan tetapi, bezanya di antara guru-guru yang berke-lulusan teknikal dengan guru-guru biasa di dalam Kategori C1 bagi guru-guru yang mempunyai kelayakan STP atau HSC, saya telah sebutkan tadi. Guru-guru yang biasa di dalam Kategori C1, gajinya mulai \$430 dengan kenaikan \$30 dan maksimumnya \$1,000. Tetapi bagi guru-guru yang daripada lepasan Maktab Teknik gajinya berbeza walaupun mereka itu dianggap dalam kategori yang sama iaitu mulai daripada \$600.00 dengan kenaikan \$40 dan maksimumnya \$1,000.

Mengenai pertanyaan yang ditimbulkan kalau dimaksudkan dengan guru-guru biasa iaitu bukan guru-guru teknik mana guru-guru yang dapat kelayakan akademik yang lebih tinggi, mereka itu akan ditempatkan ke dalam kategori yang sesuai dengan kelayakan itu apabila ada kekosongan. Demikian juga dengan guru teknik ini jika mereka ada kelayakan akademik yang lebih tinggi mereka akan ditempatkan ke dalam kategori yang sesuai dengan kelayakan itu.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di Pertua, saya hendak bertanya kepada Setiausaha Parlimen yang berkenaan, adakah beliau memandang kepada kelayakan HSC suatu kelayakan yang bukan akademik yang lebih tinggi daripada SPM atau MCE, yang biasanya calon-calon atau murid-murid yang pergi ke Maktab Perguruan?

Tuan Mohamed bin Rahmat: HSC itu lebih tinggi daripada SC.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua, Jika HSC lebih tinggi daripada MCE atau SPM atau SC, mengapakah guru-guru yang ada HSC tetapi lulus daripada Maktab Perguruan tidak diberi gaji atau tanggagaji yang lebih tinggi?

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di Pertua, saya rasa Ahli Yang Berhormat ini kurang jelas mengenai pertanyaannya sendiri. Saya sebutkan tadi; untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, di dalam ketogeri T bagi guru-guru yang mempunyai kelayakan teknikal ada empat macam T. Satu ialah T1 bagi guru-guru yang mempunyai diploma Maktab Teknik. Yang kedua ialah guru-guru T2, guru-guru yang mempunyai Sijil Maktab Perguruan yang berjalan selama tiga tahun. Yang ketiga ialah guru-guru ketogeri T3 iaitu guru-guru yang lulus daripada Maktab Perguruan kursusnya memakan masa dua tahun. Dan ketogeri T4 ialah guru-guru yang mempunyai Sijil daripada Lembaga Pusat Perantisan dan kelulusan perguruan. Tiap-tiap ketogeri ini ada beza-bezanya. Dan bagi guru-guru di dalam ketogeri T1 mereka ini telah ditempatkan ke dalam satu ketogernya sendiri kalau dibandingkan dengan ketogeri yang lain di dalam C ialah sama seperti C1 iaitu bagi kelulusan HSC atau STP. Tetapi

kalau pertanyaan Ahli Yang Berhormat ini bermaksud kepada golongan guru-guru di dalam ketogeri T2 atau T3 atau T4, mengikut keadaan yang ada sekarang guru-guru ini kelulusan akedemiknya ialah SPM atau MCE, dan mengikut keadaan yang ada kalau guru-guru ini mendapat kelulusan HSC atau STP mereka tidak akan dapat ditempatkan ke dalam ketogeri yang lebih tinggi lagi seperti yang terdapat pada guru-guru daripada ketogeri C2, C2 ialah bagi guru-guru yang mempunyai kelulusan SPM atau MCE bagi guru-guru ini kalau dia memperolehi STP atau HSC mereka boleh ditempatkan pada ketogeri C1. Kalau perkara ini yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, saya suka memaklumkan bagi golongan guru-guru T2, T3, T4 ini masalah yang berhubung ini sedang ditimbangkan oleh Kementerian Pelajaran.

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Bolehkah Ahli Yang Berhormat berjumpa sendiri minta keterangan supaya lebih jelas?

Dr Tan Chee Khoon: Boleh.

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan-jawapan Lisan bagi Pertanyaan No. 20 hingga 22 adalah diberi di bawah ini).

BELIA MEMASUKI RANCANGAN TANAH BELIA

20. Raja Nong Chik bin Raja Ishak minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) bilangan belia-belie yang telah memasuki Rancangan Tanah Belia dalam tiap-tiap Negeri setakat ini; dan
- (b) apakah pula rancangan bagi beratus-ratus beliawanis yang menganggur untuk menolong mereka hidup sempurna.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Hamzah bin Datuk Abu Samah):

- (a) Pada masa ini terdapat 25 buah Rancangan-rancangan Tanah Belia di

negeri-negeri berikut dengan menampung seramai 3,556 orang belia, iaitu:

Negeri	Bilangan Rancangan	Jumlah Belia
Perak	3 ...	487
Johor	2 ...	103
Negeri Sembilan	1 ...	22
Melaka	1 ...	190
Pahang	8 ...	598
Selangor	8 ...	956
Trengganu	2 ...	1,200
	<u>25</u>	<u>3,556 orang</u>

(b) Rancangan bagi mengatasi masalah pengangguran belia wanita adalah seperti berikut:

- (i) Melengkapkan mereka dengan kemahiran jahitan dan urusan rumah-tangga menerusi kursus-kursus yang dijalankan di Pusat Latihan Belia Negara Pertak;
- (ii) Berbagai-bagai kursus seperti kursus-kursus urusan rumah-tangga dan jahitan yang dijalankan di peringkat pergerakan-pergerakan belia tempatan.
- (iii) Belia wanita juga dipilih bagi menyertai rancangan Latihan Sambil Bekerja dalam berbagai-bagai jurusan di kedai-kedai, bengkel, restoran, guna melengkap dan membolehkan mereka bekerja.

TANAH—BIDANGKUASA PENTADBIRAN

21. Tuan Hashim bin Gera minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) samada beliau telah menggantikan tanah hak istimewa orang Melayu seluas lebih kurang 23,000 ekar di Rancangan Taliair Seberang Perak yang telah diberikan kepada Syarikat Gula Perak Sdn. Berhad; dan
- (b) samada Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan), 1972 memperuntukan bahawa tanah-tanah hak istimewa orang Melayu boleh diberikan kepada pihak-pihak swasta.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud):

- (a) Sebagaimana Ahli Yang Berhormat itu maklum, pentadbiran tanah adalah dalam bidangkuasa Kerajaan-kerajaan

Negeri, dan terpulanglah kepada Negeri berkenaan itu samada hendak menggantikan tanah itu atau sebaliknya.

- (b) Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan), 1972 tiada membuat peruntukan menyentuh soal pemberian seperti yang dimaksudkan dalam soalan (b) itu.

PARIT DAN TALIAIR—MEMBINA

22. Tuan Hashim bin Gera minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan mengapakah terdapat kelengahan hampir-hampir tiga tahun dalam kerja-kerja membina parit-parit taliair yang akan mengairkan 800 ekar sawah padi di Kampung Layang-layang Kanan di Daerah Parit yang telah menyebabkan tergendalanya kerja menanam padi oleh penduduk-penduduk di daerah itu.

Menteri Pertanian dan Perikanan (Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi): Dalam tempoh rancangan Pembangunan Lima Tahun (1971/75), tidak kurang daripada 85 buah rancangan pengairan telah dijadualkan untuk pembinaan di serata tanahair dan tidaklah praktik bagi semua rancangan-rancangan tersebut disiapkan dalam tahun pertama rancangan itu. Dari itu adalah perlu bagi jabatan berkenaan membahagi-bahagikan tenaganya disebepara banyak rancangan yang boleh daripada menumpukan seluruh tenaga kepada satu atau dua rancangan sahaja demi untuk memberi faedah kepada seberapa banyak orang yang boleh. Rancangan pengairan semini yang meliputi kawasan padi Kampung Layang-layang Kanan sedang dijalankan mengikut jadual pembinaan empat tahun dengan peringkat pertama bermula pada tahun 1970 dan dijangka selesai pada tahun 1973.

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEKASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

(Usul)

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Musa Hitam): Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 9.00 malam.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 9.00 malam.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1973

DAN

(Usul)

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1973

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (25hb Januari, 1973).

Majlis Mesyuarat menjadi Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Kepala B. 41 dan P. 41—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B. 41 dan Kepala P. 41 di bawah Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat dibuka untuk dibahaskan.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan yang diminta oleh Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat.

Selain daripada itu, saya gemar memberi beberapa teguran-teguran yang mungkin memberi faedah kepada Kementerian ini. Masaalah yang saya hendak bangkitkan, Tuan Pengerusi, iaitu supaya Kementerian Buruh ini dapat memelihara kebajikan dan kesejahteraan pekerja-pekerja kita. Dalam masaalah ini dua perkara saya hendak kemukakan. Pertama buruh umum yang bekerja di jabatan-jabatan Kerajaan atau badan-badan Berkanun atau juga di ladang-ladang hendaklah diberikan pakaian percuma kepada mereka. Pakaian ini digunakan untuk mereka bertugas pada badan-badan tersebut. Tidakkah hendaknya umpama dalam jabatan JKR kita tengok ada orang pakai batek, ada orang pakai sari. Jadi dengan adanya pakaian seragam, pakaian sama susunan pekerja-pekerja kita nampak molek.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya mengharapkan Kementerian ini supaya mengarahkan kepada badan-badan yang saya cakapkan tadi memberi alat-alat yang boleh melindungi pekerja-pekerja kita daripada cacat-cedera. Umpamanya saya cunthukan dalam Jabatan JKR, mereka ini bertugas kerana mengtar jalan dengan minyak tar yang masak, malangnya kita tengok pekerja tadi, dia hendak selindungi dirinya daripada kerusakan minyak tar yang panas menggunakan pelastik. Jadi keadaan yang macam ini, Tuan Pengerusi, tentulah tidak terkawal keselamatannya dan banyak kita dengar buruh-buruh kita cedera dengan sebab ini. Jadi kita hendakkan satu alat yang boleh mencegah daripada cedera dirinya dalam menjalankan tugas itu.

Dalam ucapan Yang Berhormat semalam telah menyatakan satu Rang Undang-undang sedang dikaji sekarang bagi mensesuaikan keadaan perkembangan pembangunan negara disebabkan pesatnya sector swasta. Dalam masa-masa ini, Tuan Pengerusi, tujuannya hendak mewujudkan hubungan baik di antara majikan dengan pekerja-pekerja, Kementerian ini hendaklah melaksanakan dasar ekonomi baharu Kerajaan pada pekerja-pekerja Melayu dan bumiputra. Saya minta Yang Berhormat Menteri mengambil perhatian qota pada tiap-tiap masa jangan hendaknya percaya apa yang dikatakan oleh majikan sahaja.

Perkara yang pertama yang hendak diperhatikan, ialah pekerja bumiputra dan orang Melayu ini hendaklah ada dalam bidang pengurusan dan iktisas.

Yang kedua, dalam bidang teknikal dan penyeliaan.

Yang ketiga, dalam bidang perkeranian.

Yang keempat, dalam pekerja umum.

Yang kelima, dalam bidang pekerja-pekerja mahir, dan yang keenam, dalam bidang pekerja-pekerja yang kurang mahir. Saya mahu hendaklah dipenuhi mengikut keadaan masa walaupun tidak dapat dipenuhi dengan sekali gus, sebab kalau kita penuhkan pekerja-pekerja bumiputra ini dalam peringkat pekerja-pekerja yang kurang mahir atau pekerja-pekerja yang separuh mahir tadi, saya memikirkan bahawa keadilan yang hendak didapati oleh bumiputra dalam masalah perburuhan ini tidak dapat dicapai.

Selain daripada itu, saya mengharapkan supaya Kementerian ini menentukan gaji buruh yang minima dalam negeri ini sekurang-kurangnya \$4 sehari. Inilah keadilan yang patut dirasakan oleh buruh-buruh kita.

Selain daripada itu, kita mesti menghapuskan system contract yang berjalan dalam negeri ini. Sebab dengan adanya cara contract ini keadilan tidak dapat diperolehi oleh pekerja-pekerja.

Selain daripada itu, saya mengharapkan pada ladang-ladang, pekerja-pekerja ladang samada ladang Eropah atau ladang swasta atau ladang Felda, hendaklah dibekalkan api letrik kepada buruh-buruh kita yang bekerja. Sebab setengah-setengah buruh-buruh di ladang-ladang kita tengok mereka hanya menggunakan pelita kecil. Kesenangan hidup kepada mereka waktu malam tidaklah dapat diperolehi. Saya harap perkara-perkara yang semacam ini supaya diperhatikan oleh Kementerian demi kebajikan buruh-buruh di tanahair kita.

Tuan Lim Kit Siang (Bandar Melaka):
(*Dengan izin*) Mr Chairman, firstly, let me express my disappointment that although we were promised that at this meeting of Parliament the Minister of Labour and Manpower would be tabling amendments to the labour legislations in the country, we have not received any Bill for consideration.

The workers are the most neglected lot under the Second Malaysia Plan. There has been increasing labour unrest since the launching of the Second Malaysia Plan, and in the last few months industrial disputes have come thick and fast. The Alliance Government's policy under the Second Malaysia Plan is to have a vast reservoir of docile and cheap labour to attract foreign capitalists. Unemployment rate is so high that the bargaining strength of the workers are undermined—for the employers can easily dismiss "difficult" workers and replace them with even cheaper labour. Furthermore, they have the blessings of the Government. The host of labour laws in the country are designed not to protect and advance the legitimate interests of the workers, but to keep the workers strictly in their place and permit employers great liberty to do what they like.

Thus, although the Industrial Relations Act of 1967 upholds the right of the workers to join or form a union, in the last two

decades, hardly a week has passed without some brave workers being victimised, intimidated or dismissed for daring to unionise. I do not believe that since the coming into force of the Industrial Relations Act, 1967, the Ministry of Labour has prosecuted a single employer for intimidating, victimising or dismissing employees for wanting to join or form a union. Yet among the unemployed today, there must be thousands who had been victims of management intimidation, victimisation or dismissal precisely because of this reason.

Although the Government has never prosecuted a single employer for the general management practice of intimidation, victimisation and dismissal for unionisation, the Government has no hesitation in arresting and prosecuting workers who were forced to take industrial action by the sheer unreasonableness of the management. A good example is the strike by 230 workers of the Guthrie Processing Sdn. Bhd latex factory at Tebong in Malacca at the end of September last year. The police arrested the five leaders of the striking workers and charged them with violating the Industrial Relations Act in wrongfully and without legal authority intimidating the workers from working. As far as I know, the grievances of these factory workers had been outstanding since 1968. Thus, the Labour Ministry would want us to believe that the employers and managements are all reasonable and law-abiding men, but it is the workers who are the brutes and law-breakers.

There is a need, and I call, for a commission of inquiry to review all the labour laws in the country to remove the anti-labour provisions to safeguard and protect the right of workers to a just share of the fruits of their labour.

Early this week, we read in the Press that the Government has decided to take steps to give a new deal to the 500,000 estate and mining workers in the country and that the Prime Minister has called for a meeting of estate agencies, mining employers and representatives of Government agencies on February 15 to find a solution. My Party, inside and outside Parliament, has sought to highlight the plight and economic hardships faced by the mining and estate workers in the past two years, and we have, in fact, called for a special department or even

Ministry to look into their economic, educational, social and cultural future with the mass retrenchments in both estates and tin mines. I am glad that at last the Government is waking up to this problem, but I earnestly hope that this is not going to be a repetition of the new villages fiasco, where there was a mountain of propaganda without a single bit of action. I also hope that this belated awareness and concern for the 500,000 estate and mining workers is not a pre-election gimmick to get votes for the coming general elections. Estate and mining workers must be given either land or alternative employment if they are retrenched, and the Government must make itself responsible for their economic, educational, social and cultural welfare.

The estate workers in many foreign estates are treated like dirt and slaves. The time has come for the Government to tell the foreign estate personnel that they are not the lords of Malaysia, but must respect the laws and dignity of Malaysian workers. For instance, there was recently a complaint to the Minister of Labour and the Prime Minister's Department that the manager of the Effingham Estate in Kepong, who is a non-citizen by the name of Mr H. C. Pas, had been insulting estate labourers by ridiculing and making derogatory remarks about the country. Thus, Mr Pas would tell the labourers, if they asked for anything in the estate, that he did not care for the Yang di-Pertuan Agong, the Minister or whoever it might be. There are some 30 Malay workers in the estate, and Mr Pas is in the habit of telling the Malay labourers who complained of remarks such as "You people can go and report to anybody, even the Yang di-Pertuan Agong or Allah; I am the king of this estate and I will do what I think is correct and if you talk anything against me, I will sack you." The workers and their union representatives are prepared to testify to the above statements and official letters have been written to the Ministry of Labour and Manpower and the Prime Minister's Department, and I am sure they have received it. I would like to know what action the Ministry of Labour and the Prime Minister's Department have taken on this complaint. As an independent nation, we cannot allow foreigners to come to our country and insult our workers and nationals. This was the pattern in the colonial days and should not be tolerated now. Such people should be sent

packing from Malaysia with 24 hours' notice. The present situation where foreign estates are treated by the foreign estate managements as pieces of extra-territoriality where Malaysians cannot freely gain access must be put to a stop. I call on the Government to introduce legislation to open up the foreign estates so that on these foreign estates Malaysians can exercise their full civic rights—as forming political branches, receiving visits, etc.

Tuan V. David (Dato Kramat): (*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, the Minister of Labour and Manpower has presented a document of expenditure on various items supposed to be spent under his Ministry, and I am sure the Ministry has, at least, two major Divisions; that is, one, the Department which purely deals with industrial relations and the other one, the Department of Labour which looks after enforcement.

Let me confine first to the Department which deals with industrial relations. Sir, I must say in this House that the concept of industrial relations in this country calls for a change in its pattern and outlook. The Department should be assigned with persons who are prepared to understand human relations and be prepared to do conciliation with the object of preventing industrial disputes in this country. I would even go further: deviating from the old colonial system, the Department should be more or less independent, only answerable to the Minister of Labour and Manpower so that the Department can function on its own with proper dialogue with the union and employers, and this will create a better atmosphere in this country. Sir, this Department for conciliation, as I said, should have specialised people, persons who can understand and who are prepared to understand the problems of workers and trade unions. I think the Department lacks initiative to a large degree to prevent disputes because of the fact that the Industrial Relations Department always waits for a dispute to become a strike. Until there is a strike, the Department feels that it is not its responsibility to take action to bring about the parties and settle the dispute. I would say that many of the industrial disputes and strikes could have been prevented, but because of the lack of initiative on the part of the Department, these strikes have taken place in this country. Steps have never been taken as preventive measures to

bring about the parties to the table to explore the possibilities of finding an area of agreement on the pending issues.

I can make an easy reference to one of the companies now where the matter of recognition has been pending for a number of months—it is the Genting Highlands Taxi Service. To get a decision from the Registrar of Trade Unions, it has taken about five months. Now, the Registrar says that they are not transport employees, but they are employees of the Hotel. But the Company overnight has registered another company called "The Travel Service Bureau", and they have issued notices to the workers stating, "You are not employees of the Genting Highlands Taxi Service; you are now employees of the Travel Service Bureau." While the employers have been given the opportunity to change names and register companies overnight and dismiss the employees, the Department has been too slow in finding solutions to the problems faced by the unions and the workers.

On the question of recognition, there is no definite period. A union sometimes will have to wait for six months or one year. It all depends on how effective the Department is, how effective the officer responsible is. If you have an officer who has a lot of initiative, then the problem can be settled as early as possible. In cases where you find officers who take a "tidak-apa attitude", then the matter drags on for six months or one year; and by this time all those employees, who have become members of a union, have been victimised one way or the other and you will have no union in the company concerned. The glaring example is the Genting Highlands Taxi Service. I can safely say that the Department of Industrial Relations has completely neglected to bring about a speedy settlement. I do not know, the workers may now go on strike; and if they go on strike, I would only say that the Department dealing with industrial relations has failed because it could have found a solution to settle this issue.

Again, when the Registrar of Trade Unions deals with matters of recognition, there must be some guidance whereby the Registrar can decide which worker can join which union. Now, the Registrar has been given such arbitrary powers that he can decide without offering any reason whatsoever and he can simply say that a particular worker cannot

join a particular union. This has been arbitrary all the time, and I hope unions will one day take some of these cases to the court for civil action.

In the case of this Genting Highlands Taxi Service, it took months for the Registrar to say this—of course, we have handed this matter to counsel for further action. The taxi licences have been issued by the Road Transport Department, the taxis are considered as public vehicles, and I do not see how they could become employees of the hotel industry and how a different union can cater for these employees when the Transport Workers Union has the right to take them as members of their Union.

In other words, Sir, the Department of Industrial Relations require imaginative thinking, i.e. you have to re-organise the whole Department in view of a lot of changes which have taken place in this country. The same old pattern is being followed on the same lines as that of the Trade Union Adviser's Department before independence; this pattern must change, and we must have specialised people who are prepared to go all out to bring about settlement of disputes, who have an element of dedication and who can take the initiative to do conciliation work. If they just wait for strikes, I am sure you are going to have many more strikes in this country than you would expect.

Sir, coming to the Department of Labour, which is another Department of the Ministry, this Department calls for drastic changes. I think some of its officers are not fit to be in this Department. Most of the officers who work in this Department, if they are asked to visit an estate, when there is a complaint, first of all they take a drive to the estate manager's bungalow. Then the name of the worker concerned is disclosed to the manager and the manager explains to them how this complaint was made by the workers. But they do not make an enquiry among the workers—they have no time to do so or they may be afraid of the employer. As a result of this, the worker who has petitioned the Ministry, on the next day after the return of the Pegawai Buruh or the representative from the Labour Office, will lose his job. This has happened in many cases.

Sir, in most of the estates, we find extremely poor housing conditions, lack of proper sanitation, lack of water facilities, etc. But after fourteen or fifteen years, the Minister

of Labour has made an announcement that he has made arrangements for the agencies of the estates and employers of estates to meet the Prime Minister on the 15th of February, i.e. next month. This is an admission of the fact that the conditions in the estates are extremely poor, and this is a desperate attempt after fifteen years of independence just to realise that things are bad in estates. I hope this will not be another gimmick or a vote-catching attempt and that the Ministry will definitely do something so that some form of solutions can be found to most of the inhuman problems faced by the estate workers in this country.

Sir, the amenities enjoyed by the workers in the estates are far too low and negligible compared to the benefits and the privileges enjoyed by the workers of the other sectors in other parts; and it calls for drastic action by the Ministry of Labour and it also needs officers who could implement effectively the labour laws. We are having an Employment Ordinance, part of which was taken from the Labour Code of 1912, and according to it when a husband in an estate is dismissed, automatically his wife is also dismissed. We have not made amendments to this law in our so-called *masyarakat adil* or social justice. In most cases, when the husband is dismissed, the wife is also dismissed and the labour law says that the wife must make an application within the next 48 hours. If the wife of an employee in the estate, who is also an employee, is so capable of making an application, then I am sure the estate workers would have found a solution by rejecting the Alliance party long ago. Most of the workers, unfortunately, do not have educational knowledge and they have been cut off from the main stream of social life outside the estates and they are isolated in the estates. As a result of this, they are unable to know what is going on outside the small world in which they live, where they are ruthlessly exploited by employers aided by the Ministry of Labour and the Government.

Sir, I would like to touch on the question of living wage. We have got Wages Councils set up all over the place, and the Minister of Labour on many occasions has promised this House that if specific complaints are made relating to a particular industry, the Ministry would be able to institute or set up a Wages Council in such an industry. More or less, all the factories on pioneer status are not

paying more than \$2.00 or \$2.50 a person per day as wages as we do not have a living wage. Our Ministers, who have been going abroad, always explain to the investors that this country is a paradise for cheap labour; and with this wrong notion, many investors have come to this country to set up industries and they ruthlessly exploit the poor and ignorant workers in the factories.

In the case of the Indo-Malaysian Textile Factory of Butterworth the Minister assured this House that a Wages Council will be set up, but that has not been done so far. There are a number of factories in Petaling Jaya and also in Penang—the Penang Electronics Factory—which call for a Wages Council to be set up but the Ministry is not prepared to do so because it has not investigated the complaints made by the workers in these factories. Most of these workers are paid \$1.50 and \$2.00 and their travelling itself costs them 50 cents a day.

Mr Chairman, Sir, I will support the previous Member who spoke earlier that a living wage should be introduced in this country. A living wage has been a long due question in this country and both the Malaysian Trade Union Congress and other organisation have made this request to the Government for the introduction of a basic living wage. But the Government has found many excuses to evade from meeting this issue. Unless and until, Sir, we have by law a living wage, the employers will be encouraged to exploit the workers who are not in a position to organise themselves in the midst of the most restrictive labour laws which we have in this country.

Sir, I think the Minister will have to take a look at the Industrial Court. The last few cases which the Industrial Court has decided have added more problems to the industry than solving the problems. For instance, in Port Klang, the court decided on wages which were much lower than what was agreed between the employers and the union. I would say that the cardinal principles set by the court in the early days of the late Sir George Oehlers have been now ignored or forgotten by the present people. The late Sir George Oehlers had clearly stated, when he was sitting in this Court, that the Industrial Court was not a court of law; it was a court of equity and the functions of the Court was not only to settle pending disputes but to prevent further disputes. But in the case of

Port Klang, we find that further problems were created by the Court; many people were involved, many man-hours were lost and finally the Cabinet had to find other means of settlement by intimidation and threats.

Tuan Pengerusi: How long more are you going to take?

Tuan V. David: Another 5 minutes, Sir. The Industrial Court must be staffed with people who will not fear anybody; they must be independent completely, men of dedication, honesty and integrity; men who can rise above any suspicion who are prepared to make decisions based on social justice. The Ministry and the Government must make all efforts to find people of this calibre to sit in this Court. I must pay tribute, at this juncture, to the late Sir George Oehlers. During his period in this Court, he had projected an image, but today that image has been tarnished by others who have sat in this Court. Mr Chairman, Sir, I would request the Minister of Labour to concentrate in restoring confidence in this Court by appointing persons who will reflect social justice and not merely serve to please any one particular group.

Sir, I now come to unemployment and employment exchanges. The Minister normally replies to questions that if you want employment, you can go to the Employment Exchange. But there are cases, especially in Penang, where those who have registered 5 years ago have not been called for interview. This also applies in many other places. They have registered for 4 years, 5 years and even more but they have not been called for interview, neither have they found employment. The Employment Exchange should be in a position, at least, to find employment for people who have registered themselves for 6 months to one year. If this cannot be done by the Employment Exchange, then the functions, the purpose and the object of the Employment Exchange are defeated. Sir, various figures have been given on unemployment and figures given recently showed up to 15% unemployment. In a country with the size of our population, 15% unemployment is a danger and a threat to peace and prosperity. In accordance with the assurance given in the Second Malaysia Plan, the Government should have now found within this period at least jobs for nearly 200,000 people. I am sure the Government

has not been able to find jobs even for 100,000. There are, of course, promises and assurances, daily statements on television and radio that factories have been opened, thousands will be employed but practically we find that the Government is unable to meet the target as promised in this House on many occasions.

Sir, I refer now to the Employees' Provident Fund. The Government workers, the public sector workers—have been allowed to buy their own homes and the money is channelled through different agencies as loan for housing. But workers in the private sector are not given these privileges. The workers in the private sector are being exploited by developers and in most cases, especially in estates, the workers cannot own their own homes. Thousands of estate workers have become destitutes and thrown into the streets because they cannot buy their own homes. The Government has not done anything to save these people from their plight by creating opportunities for them to purchase their own homes. The estate workers could have easily found land. If the Government wanted, they could have given them land, so that when they retire, they could resettle on this Government land. But, unfortunately, the Government has not done so. The Government at least must consider channelling the Employees' Provident Fund, which is their money, back to the workers so that the workers can buy their own homes if and when they want to, but this has not been done at the moment. The housing societies are given loans from the Employees' Provident Fund and this money is loaned to the workers with interest at 8½% and in some cases 10%. This, I would say, is another form of exploitation. The Government should amend the legislation to provide facilities for workers in the private sector to own their own homes. I hope the Government will look into this matter.

Sir, regarding the functions of the Wages Council, I think the legislation governing the Wages Council is a bit outdated. In most cases, the decisions of the Wages Council, the determination of wages by the Wages Council, are detrimental to the workers who are already enjoying better facilities in some industries. For instance, the hotel industry and the cinema industry, where the decision of the Wages Council is far below than that of which the workers are already enjoying

from the employers. Therefore, the Ordinance under which the Wages Councils are set up should be looked into so that new life can be given to the Wages Councils in view of the numerous changes that have taken place in this country after Merdeka.

Sir, on the side of implementation, I would like to add that the provisions on public holidays, on annual leave and on medical benefits are not being effectively implemented by the Enforcement Officers. Recent strikes, especially in Petaling Jaya, were as a result of disputes involving annual leave, public holidays and medical benefits. Even though there are certain provisions in the law for such benefits, the Department of Labour which is responsible for their enforcement, has not taken adequate steps to see that these provisions are effectively implemented. I hope the Department concerned will gear up its activities in the future.

Tuan Tiah Eng Bee (Kluang Utara): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk memberi sedikit cadangan dalam perkara Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat di bawah Kepala B. 41.

Saya merujuk kepada ucapan Yang Berhormat Menteri Buruh iaitu beliau telah meminda beberapa undang-undang. Undang-undang Buruh yang ada sekarang adalah mengikut masa penjajah dahulu. Ada banyak kelemahan di dalam undang-undang yang ada sekarang. Saya fikir, sudah sampai masanya sekarang Kerajaan mengkaji semula supaya sesuai dengan keadaan masa dan kehendak negara kita.

Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri, kerana membawa Rang Undang-undang menolong orang-orang cacat. Ini adalah satu langkah yang boleh dipuji.

Sekarang pada pandangan saya wang ganti-rugi atau pampasan yang diberi kepada pekerja-pekerja tidak memadai iaitu \$7,200 sahaja. Dengan sara hidup yang tinggi sekarang tentulah jumlah ini sangat sedikit sahaja. Sebagai yang kita tahu, wang ini kadang-kadang terlalu lambat dibayar oleh insuran-insuran. Ada masanya sampai dua tahun dan wang itu juga untuk dibayar kepada lawyer dan lain-lain perbelanjaan.

Sekarang kita ada gaji minima untuk pekerja-pekerja ladang dan pekerja di kedai-kedai, tetapi kita belum ada gaji

minima untuk pekerja-pekerja di dalam kilang-kilang. Setengah-setengah kilang kepunyaan luar negeri didapati membayar gaji pekerja-pekerjanya sebanyak \$1.50 hingga \$2.00 sahaja untuk 8 jam bekerja sehari. Gaji sejam kira-kira 20 sen sahaja. Ini tak cukup untuk makan tengah hari dan sewa bas. Bagaimanakah keluarga mereka boleh mendapat makan?

Kebanyakan kilang-kilang ini telah mendapat taraf perintis dan mereka mendapat faedah daripada Kerajaan kita, tetapi mereka telah mengeksploit tenaga buruh yang murah untuk faedah mereka sendiri. Saya mencadangkan supaya Kementerian ini membuat penyiasatan dan ditentukan gaji minima pekerja-pekerja di kilang-kilang ini supaya sesuai dengan keadaan sara hidup hari ini.

Dr Tan Chee Khoo (Batu): (*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, on the estimates for the Ministry of Labour and Manpower, I wish to touch first on the Kamunting Industrial Complex. That complex was formed in order to bring industries into rural areas and the big three in that complex are the Taiping Textile Berhad, Kamunting Textile Berhad and Folex Sendirian Berhad. These three big textile factories employ about 5,000 local workers and about 150 expatriates, most of whom, or almost all of them Taiwan or Hongkong Chinese.

There is a small percentage of monthly-paid workers amongst them, but I think I am right in saying that more than 90% of them are daily-paid. The expatriates earn between \$700 to \$2,500 a month, while the local staff, most of whom are young people in the age group of 16 to 25 and three-quarters of whom are females, start off with about \$1.80 and they go by stages of 20 cents to 60 cents and they reach up to \$3.00 or \$3.50 at the most.

Mr Chairman, Sir, after they have reached \$3.50, there seems to be no increment after that and that seems to be the maximum of their wages. As for the method by which they enjoy their increments, nobody seems to know, as most workers seem to think that it is left to the whims and fancies of the Supervisors. But meanwhile, while their wages remain stagnant, their work-load has been increasing all the time as they become more and more efficient. The self-taught technicians are paid up to a maximum of \$3.90 after three to

(Dengan izin) Tuan Pengerusi, I would like to urge the Government to look into the issue regarding the removal of the Jalan Melaka Bus Terminal, which is popularly known as the Ampang Bus Terminal. Datuk Pengerusi, this is a clear-cut incident of the rich versus the poor, the influential versus the helpless, and the privileged versus the non-privileged. It is most sad and unfortunate to see that the former becomes the winner and the latter becomes the loser.

When the Minister of Technology, Research and Local Government answered my question in this House regarding why the Jalan Melaka Bus Station should be shifted, besides all the lame excuses he has given, one thing is for sure: that he has either conveniently or purposely missed out in his reply—that is that he has forgotten to tell this House—that this piece of valuable land has been alienated to Bank Bumiputra by the

State Government of Selangor four months ago. This was confirmed by the Menteri Besar of Selangor when he answered one of the questions raised in the State Assembly in December, 1972. What is more relevant in this question is that the Government wants to see the privileged and the influential people to find a place in all their considerations in this matter rather than to allow the have-nots, the multitude of bus-travellers and passengers, to carry on enjoying the convenient location of this bus station.

Tuan Pengerusi, for your information, this bus station has been existing for the last 36 years and I am sure most of the Honourable Members in this House, including some of the Ministers themselves, before they were elected could have used this terminal and appreciated the convenient location of this bus terminal. During the last 36 years, the bus companies concerned using this terminal had applied on many occasions to the relevant authorities for the terminus to be used permanently. It is most unfortunate that all of these applications were refused on the ground that this land was reserved as a post office site. Datuk Pengerusi, how the Government expects the people to believe and to be convinced that the reasons given for removing this bus terminal are valid when they find the bus terminal has been existing for the last 36 years and has been reserved for a specific purpose and now suddenly, almost overnight, it has been acquired by one of the local influential banking institutions in a hush-hush manner. Tuan Pengerusi, the Government cannot escape the people's questioning as to why the rights of the bus passengers should be withdrawn all of a sudden. However, now let us look at the alternative site which the Government has provided in Jalan Pekeliling. This is a swampy area which is lower and therefore the flood level will be much higher than at the Jalan Melaka terminal. At the moment, there is no proper building in this site for passengers' amenities like rest rooms, toilets, shops, restaurants and offices for the workers and employers of the bus companies. Moreover, this site is more than two miles away from the City centre causing inconvenience and loss of time due to the changing of buses. Thus it would incur great difficulties to thousands of passengers who have to come to work in the morning and return home after work in the evening by bus.

Before I conclude on this subject, I would urge the Government to launch an immediate and a comprehensive study of the bus services in the Capital City, and I suggest:

- (i) to have a thorough survey of the traffic of all passenger buses coming in, leaving and going around the City daily; and
- (ii) to have a complete study of all the bus routes, the capacity and the organisations of all the bus companies operating in and out of the City and in this matter, I would caution the Government, all the bus companies concerned and operating in Kuala Lumpur should be given equal status when this matter is being considered.

When the above two prerequisites are accomplished, then a complete revolutionised re-organisation of all the bus services in the Capital City should be resolved in order to achieve a modern bus traffic system complying and fulfilling all the requirements of a modern city like our Capital City of Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi, on a second matter, I would touch on the Local Councils. Sir, it has been said that the reason given by the Government on the sanction by the Federal Government to allow the State Governments to take over Local Councils is because the Local Councils are not able to function properly in their administration. I say this is a very bad example. This is virtually like declaring to your friends when you talk to him, "Look here chum, I think you are running your home not the way you should run it and let me come in and run it; I will show you the way you should run it." This is not a good reason as to why the Government should take over the Local Councils. I suggest that in the meanwhile the State Governments must allow the system of Local Councils to exist, to practise and make them flourish; they must also help the Local Councils in the administration of their affairs. This is for the simple reason—you might remember the days when we achieved independence in 1957, we had both at the Federal and State levels inherited the colonial administration. Therefore, since the colonial masters were able to transfer the entire administration to our Government, then at the moment when you find that the Local Councils are running down or will not be able to carry on their daily administration, why

cannot the Federal Government allow the State Governments to provide the Local Councils with loans, with administrative personnel and also with the expertise and the advice, so that the Local Councils could carry on the functions and the duties of what they should do.

Dato Pengerusi, on another point, I would come back to this

Tuan Pengerusi: You have finished your ten minutes already.

Tuan Hor Cheok Foon: Can I have another one or two minutes to finish the other part?

Tuan Pengerusi: Yes.

Tuan Hor Cheok Foon: Just now an Honourable Member in this House also raised the question of UDA in Kuala Lumpur. Tuan Pengerusi, I fully support the objective and the ideal of setting up this UDA. However, UDA has today grown out of proportion. It should be a giant for what it is supposed to create. However, it must not become a monster as it is now being seen by many people around the country, and I would like to caution the Government that an impression has already been created that this UDA is almighty and is also loaded with all the funds. Recently in my practice, I have encountered many unscrupulous businessmen, over-ambitious developers, who are all aiming and dreaming to get near or to co-operate with UDA, all with one objective—to make money.

Tuan Pengerusi, we all know that all the funds that have been allotted and provided and approved by this House are for the benefit and for the interest of the people; and if these funds are not being carefully looked after and if they are going to be spent unwisely, especially to benefit only a few unscrupulous businessmen, then I think this itself defeats the primary objective of setting up an authority of this sort. With this caution, I end. Thank you very much.

Tuan Chan Siang Sun (Bentong): Tuan Pengerusi, saya cuma menyentuh satu perkara sahaja iaitu muka 343, Pecahan-kepala 2—Pemberian untuk Projek-projek di Kawasan Bandar dan Majlis Tempatan.

Di sini saya dapati untuk tahun ini kita cuma dapat \$1.1 juta sahaja untuk projek-projek di kawasan bandar dan Majlis Tempatan.

Tuan Pengerusi, pada fikiran saya peruntukan ini tidaklah mencukupi, kalau kita buat. Saya ada buat sedikit ilmu hisab yang sederhana, kalau kita membahagi-bahagikan \$1,100,000 untuk jumlah 450 Majlis-majlis Tempatan, cuma sebuah Majlis Tempatan akan dapat tidak sampai \$2,500. Jadi bagaimana kita boleh buat, kalau sebuah Majlis Tempatan mendapat tidak sampai \$3,000? Apakah projek yang kita boleh buat? Di sini saya berharap kalau Kementerian ini tidak mendapat peruntukan wang yang cukup, atau tidak mendapat wang dari mana-mana sumber, saya berharap Kementerian ini boleh melaporkan rayuan kita kepada Kerajaan Negeri masing-masing.

Saya fikir kalau kita ada hubungan yang lebih erat barangkali kita boleh mendapat lebih peruntukan untuk Majlis-majlis Tempatan dalam negara kita ini. Saya dapat tahu tentang hal ini. Tuan Pengerusi, oleh kerana dalam Mesyuarat Tindakan Daerah sekarang, kalau kita buat permintaan-permintaan untuk projek di kawasan-kawasan Majlis Tempatan, kita ada mendapat satu jawapan iaitu kita boleh merujukkan perkara tersebut kepada Kementerian Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan.

Di sini saya ingin menarik perhatian Kementerian bahawa apa yang mustahak sekarang ini ialah jalan-jalan dan longkang-longkang yang didapati sudah banyak yang rosak—berlobang besar, dan dengan itu susahlah bagi penduduk-penduduk kampung baharu menggunakan jalan itu.

Pada pandangan saya yang rendah ini, kalau dapat sesuatu kawasan Majlis Tempatan itu setahun diadakan satu projek, barangkali dalam lima tahun kita akan dapat lima projek, tetapi malangnya ada banyak kawasan-kawasan Majlis Tempatan langsung dua tiga tahun tidak dapat satu projek pun. Ini saya mengaku saya sebagai seorang Wakil Rakyat yang selalu bekerja kuat, tetapi berbagai-bagai rayuan yang kita buat kadang-kadang tidak dapat.

Tuan Pengerusi, saya harap perkara ini akan mendapat perhatian berat oleh Yang

Berhormat Menteri kita, dan mudah-mudahan saya berharap semua kawasan-kawasan Majlis Tempatan dan juga bandar-bandar boleh dimajukan di masa akan datang, dan bila kita masuk ke rancangan Malaysia Yang Ketiga kelak, kita boleh melihat semua kawasan-kawasan Majlis Tempatan dan juga bandar akan didapati lebih indah dan maju lagi.

Tuan Loh Jee Mee (Batang Padang): *(Dengan izin)* Mr Chairman, Sir, I wish to refer to page 341 on the General Administration and Service to Local Government. Tuan Pengerusi, in recent years, the administration of local authorities, in particular local councils, leaves much to be desired. The situation appears to have been further aggravated. Several hundred thousands of dollars have not been collected and the residents in these areas, most of whom are small wage-earners, living from hand to mouth, are sent staggering bills, which they naturally would not be able to settle.

There has also been complete disregard for proper development of these Councils, though large allocations were made annually by way of Federal grants to the various State Governments. Perhaps the Honourable Minister is in a better position to tell this House what is being done with these allocations. It has to be borne in mind that experience during the 12 years of Emergency had indicated that it was people from such areas who were easily victimised and won over by those who believe in unconstitutional struggle. This problem appears to be cropping up again and the neglect on the part of the Government to develop and provide proper amenities in and around such Local Councils will only make things easier for those who believe in unconstitutional struggle to subvert them. Therefore, land should be provided for those who need land to farm, in order to survive and not to make riches overnight.

Town Councils are also in a state of slumber. A typical example would be the Tapah Town Council, which meets twice a year and with a little bit of luck and a wee bit of efficiency on the part of the administrator of the Council, meets up to a maximum of 3 times a year. It is an utter shame that a governing body fails to hold regular meetings when even schools' debating societies meet more often. The Federal and State

Governments are also to take the blame for this because some of the top "brass" keep shifting the District Officers, who are also Chairmen of these Councils, from one place to another, thereby throwing a spanner into the works of the Local Government machinery. By the time a newly-arrived District Officer has finished unpacking his furnitures and other household items, he is on the move again. This, Sir, has become an old affair in as far as the Tapah Town Council is concerned.

Another striking example would be the construction of the low-cost houses in Tapah. The first phase was put up in 1965 with a promise of the second phase the following year. Now 7 years have passed and there is still no sign.

In conclusion, Sir, I would say that the entire network of local bodies in the country should be given a good shake-up if progress is to be achieved.

Tuan Mohd. Tahir bin Haji Abdul Manan (Kapar): Tuan Pengerusi, saya cuma hendak menyentuh atas dua perkara sahaja.

Pertama, saya suka menyentuh kepala P. 42; Pecahan-kepala 2—Pemberian untuk Projek-projek di kawasan Bandar dan Majlis Tempatan.

Dalam Majlis Bandaran terutama sekali di Kelang, pembangunan-pembangunan di sana adalah nampaknya telah berjalan dengan pesat, tetapi dalam menjalankan pembangunan seperti ini, saya suka menarik perhatian Kementerian supaya menengok dan mengawasi bentuk-bentuk bangunan yang dibina oleh pihak swasta. Bangunan ini akan terdiri bertahun-tahun lamanya dan akan tinggal apabila kita sudah tidak ada di dunia ini. Contohnya kalaulah kita pergi ke Kelang pada masa ini kita dapati bangunan-bangunan kedai yang didirikan oleh pihak swasta ini tidak ada menarik rupa dan bentuknya. Jadi, malang sangat rasanya satu bandar yang naik, tetapi contoh bentuk bangunannya tidaklah menarik hati. Tetapi sebaliknya kita tengok bangunan-bangunan di Bandaraya Kuala Lumpur adalah menarik hati kepada kita.

Bandar Kelang, Tuan Pengerusi, adalah satu bandar yang maju yang banyak

bangunan-bangunan dan penduduk-penduduknya telah bertambah. Malangnya juga, Tuan Pengerusi, di sana tiada dapati satu saluran najis dalam anggaran peruntukan ini. Saluran najis di bandar ini saya rasa sangatlah mustahak.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh pula Kepala Pembangunan P. 46 Pecahan-kepala 1—Jabatan Kimia. Baru-baru ini kalau tidak silap saya barangkali Yang Berhormat Menteri ada menyatakan di dalam surat khabar iaitu Jabatan Kimia akan mengambil tugas untuk menyelidik pollution di negara kita ini, tetapi dalam Soal Jawab pada 24hb Januari, 1973, jawapan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, beliau telah menerangkan iaitu: saya quote,

“Pada masa ini, kita mempunyai beberapa Kementerian dan Jabatan yang bertanggungjawab ke atas hal-hal Alam Keliling yang tertentu, iaitu:

- (i) *Kementerian Kesihatan* bertanggungjawab berkenaan dengan kekotoran udara hasil daripada kilang-kilang perindustrian;
- (ii) *Kementerian Perhubungan* berkenaan dengan pen awalan kekotoran hasil daripada asap keretapi dan jentera, di dalam lautan-lautan akibat daripada ancaman pencemaran minyak;
- (iii) *Jabatan Perikanan* berkenaan dengan kekotoran yang berbangkit daripada kegunaan racun-racun; dan
- (iv) *Jabatan Parit dan Taliair* berkenaan dengan kesejukan sungai.”

Malangnya di sini, Tuan Pengerusi, Yang Amat Berhormat tidak menerangkan samada kekotoran sungai ini termasuk kekotoran yang dicurahkan oleh pembela babi yang beribu-ribu babi yang mati baharu ini telah dicurahkan ke sungai.

Jadi di dalam hal ini, Tuan Pengerusi, kita tidak kiralah mana-mana Jabatan yang bertanggungjawab apa yang kita mustahakkan ialah apabila undang-undang ini ditubuhkan ataupun undang-undang yang telah pun dibuat, maka undang-undang ini patutlah dipatuhi dan mestilah ada pegawai-pegawainya pula yang mengawal. Apa yang telah saya dapat kebanyakan undang-undang ini cuma dibuat undang-undang sahaja tetapi tidak ada pun sesiapa yang hendak mengawalinya. Jadi inilah sahaja, Tuan Pengerusi, terima kasih.

Datuk Ong Kee Hui: Tuan Pengerusi, pada mulanya saya hendak ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat teguran ada memberi pandangan atas bekalan perbelanjaan bagi Kementerian saya dan untuk menjelaskan lagi jawapan saya oleh kerana kebanyakan Ahli-ahli Yang Berhormat membuat ucapannya di dalam bahasa Inggeris, saya mohon izin menjawab dalam bahasa itu juga.

(*Dengan izin*) Mr Chairman, I do not wish to reply to the Honourable Members one by one but the points which have been brought up concern certain subjects and I will deal with them under these different subjects.

The Honourable Members for Batu, Batu Gajah and Batang Padang and also the Honourable Members for Bentong and Damansara dealt with the subject of the New Villages and asked me whether I could clarify how this sum of \$1,100,000 which is provided under this Head for assistance to Local Councils is to be dispensed. In my introduction, I pointed out that an amount \$1 million is for the expenditure of New Villages and \$100,000 is the Government's provision under the Five-Year Development Plan for the Ministry to assist Local Councils in any project which they may have in mind. I wish to say that the fact that \$1 million more has been provided this year than would otherwise be the case is an indication of the awareness of the Government to the needs of the New Villages and is largely to be credited to the Minister for Special Functions who had, since his appointment, been going round all these New Villages and had drawn the attention of the Government to the needs of these New Villages, and it is to his credit that this money has been provided by the Treasury for this purpose.

The sum is available only to supplement whatever the State Government has allocated for all these New Villages or these Councils. It must be realised and appreciated that these New Villages, the Local Councils, in fact all these Local Authorities are under the Constitution the responsibility of the State Governments. It is only in the matters of policy that the Federal Government enters into this and we, in the Ministry, provide the necessary guidance, the necessary expertise to guide the State Governments as to how these Councils should be run and how they should be administered.

The Honourable Member for Damansara asked that if all these Local Councils were run properly, why should they be scrapped. On the other hand, the Honourable Member for Batang Padang, his colleague, partly answered this point that most of these Councils had been in fact badly run, rates have not been collected, they owe considerable sums of money both to the State Government and to the Federal Government in rates which are due to the Federal Government. They have not collected the money which is due to them in the way of rates because most of these people do not want to be unpopular; they do not want to bring people who are in arrears to court as they are entitled to do. The net result was that large debts were accumulated to these Councils and they found it difficult to pay the wages of their employees. I have, from time to time, received representations from the staff of some of the Local Councils complaining that their salaries have not been paid in time. This is the state of affairs which we should not allow to persist and it was for that reason that the Government appointed a Royal Commission to look into the whole running of this Local Government and the recommendations of the Royal Commission are quite clear and the Report shows quite clearly that there is need for doing something to restructure these Local Councils and make them more viable in order to be able to serve the people. But yet Members who come to this House still persist in ignoring all these things and in attacking the Government in allowing the State Governments to take over these Local Councils so that they could run the Councils properly and give better service to the people.

The next subject which was brought up by several Honourable Members was the subject of UDA, the Urban Development Authority, and its role in development, particularly in Kuala Lumpur. Honourable Members have forgotten the Act which established UDA. UDA was established for the purpose of urban development and therefore it has certain powers. It could, in fact, declare the whole of Kuala Lumpur a "development area" and take over the entire planning and development of Kuala Lumpur, but, very wisely, they agreed that at this stage of their development they should not do that and

therefore they have tried the best they could to work in close co-operation with the Dewan Bandaraya. I must say that so far, despite some teething troubles, we have been able to co-operate quite closely, and I think it is quite wrong for Honourable Members to allege that UDA has, in fact, tried to force any developer to go into joint venture with them; after all, in the same way that no man can force a lady to marry him, I don't think the UDA can persuade any private developer if he resists to go into joint venture with UDA. We are a democratic country and there is protection under the Constitution for everybody to develop his property in any way he likes, provided he fulfils the requirements which are provided by law, and the requirements which the Authority require in the interest of the public. Developers naturally would want to develop their property to the best advantage, so that they get the maximum profit, but that is not necessarily to the advantage of the whole community, and that is why it is necessary to have control in planning and in development.

The other point which has been brought up is concerning the new bus station at Jalan Pekeliling. In answer to questions which have been asked in this House, I have already clarified this matter. The accusation was flung at me that I have hidden from the House the fact that the land of the present station was alienated to Bank Bumiputra, but the fact that it was alienated to Bank Bumiputra is not the prime consideration for removing the bus station to Jalan Pekeliling. Several traffic consultants who have looked at our traffic problems in Kuala Lumpur have, among other recommendations, recommended that the bus station should be resited elsewhere. It is totally unsuitable for a bus station and that is why a provision of \$2 million for a Multi-Purpose Transport Complex was provided under the Second Malaysia Plan. This was brought up by the Honourable Member for Batu and he wondered whether the new bus station at Jalan Pekeliling is the new Multi-Purpose Transport Complex. I can assure him that that is not the case; this project is still under close study and no decision has yet been arrived at on this particular project. This bus station at Jalan Pekeliling has been selected because that is the only site available at the moment and, although it is not ideal, it is the view of

a Committee which advised the Mayor that this is the most suitable site available at the moment and we are trying our best to provide all the facilities of a bus station, which are not available at the present site at Jalan Melaka. There will be provision for shelters and there will also be provision for shops and I have also directed that there should also be provision of sites for hawkers so that passengers using the new bus station at Jalan Pekeliling will have far better facilities than they get now at the present bus station at Jalan Melaka.

On the subject of the *locus standi* of the Datuk Bandar in declaring the status of the bus station, I don't think the Datuk Bandar has precisely stated that. What he stated was that the Dewan Bandaraya had recommended to the Transport Board that action should be taken to streamline the bus services in Kuala Lumpur and that the recommendations were on the lines which have been indicated by the newspapers. As Honourable Members are aware, the responsibility for the licensing of buses is not with my Ministry, nor is it the responsibility of the Dewan Bandaraya, but it is the responsibility of the Road Transport Authority under the Ministry of Communications.

I think that deals with all the points which have been raised, except that the Honourable Member for Kapar has raised the question of the enforcement of the pollution laws. I would like to tell him that the Department of Chemistry also plays a role in providing the analytical data which assists the Enforcement Departments such as the Ministry of Health, the Ministry of Labour and the Department of Factories and Machineries which are responsible for the enforcement of the pollution laws. I think that deals with all the points.

Once again, I thank Honourable Members for their observations, and I beg to move approval of the estimates.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$3,141,000 untuk Kepala B. 42, \$702,000 untuk Kepala B. 43, \$268,000 untuk Kepala B. 44, \$1,309,000 untuk Kepala

B. 45, \$1,813,100 untuk Kepala B. 46, \$860,000 untuk Kepala B. 47 dan \$6,952,000 untuk Kepala B. 48 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan \$5,250,040 untuk Kepala P. 42, \$515,000 untuk Kepala P. 45, \$733,010 untuk Kepala P. 46 dan \$2,369,112 untuk Kepala P. 48 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1973.

KENYATAAN MENTERI PEMBANGUNAN NEGARA DAN LUAR BANDAR

Surat Siaran

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Tuan Pengerusi, sebelum saya mengemukakan Anggaran Perbelanjaan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, saya suka membuat suatu kenyataan bagi menjawab satu perkara yang dibangkitkan dalam Dewan ini.

Dalam perbahasan Belanjawan pada dasarnya dalam Dewan ini Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat telah membangkitkan soalan mengenai satu surat siaran yang isi kandungannya membuat tuduhan-tuduhan liar terhadap beberapa orang Menteri-menteri dan Pegawai-pegawai Tinggi UMNO dan surat siaran itu telah menggunakan tandatangan saya. Surat siaran itu adalah satu surat siaran yang tidak bertanggungjawab dan menggunakan tandatangan saya yang palsu. Saya telah menjelaskan perkara ini dalam Mesyuarat Agung UMNO dalam bulan Jun, 1972 yang lalu dan Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri juga telah menafikan perkara itu dalam Dewan ini.

Tujuan surat siaran itu ialah hendak melaga-lagakan pemimpin-pemimpin Kerajaan yang ada sekarang sesama sendiri, tetapi mereka telah keciwa kerana pemimpin-pemimpin Kerajaan yang tertuduh sendiri percaya bahawa siaran itu adalah satu siaran palsu dan saya mengambil kesempatan sekali lagi dalam Dewan ini menyatakan bahawa tandatangan itu bukannya tandatangan saya. Ia adalah merupakan satu tandatangan palsu dan polis adalah mengetahui hal tersebut.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1973

Kepala B. 49 hingga B. 51; P. 49 hingga P. 51—

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Tuan Pengerusi, saya mengemukakan Perbelanjaan yang berikut:

(i) Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar

B. 49	...	...	\$ 6,864,000
P. 49	...	...	241,827,020

(ii) Jabatan Kemajuan Kerjasama

B. 50	...	...	\$ 5,826,000
P. 50	...	...	168,000

(iii) Jabatan Hal Ehwal Orang Asli

B. 51	...	...	\$ 4,110,000
P. 51	...	...	1,644,800

Dalam usaha membangunkan masyarakat, Kementerian ini memberi latihan kemahiran asas kepada penduduk-penduduk luar bandar dalam bidang motor mekanik, bertani dan menternak dan sebagainya lagi. Disamping itu Kementerian memberi didikan kepada anak-anak kecil luar bandar dalam lingkungan umur 3-5 tahun melalui Taman Bimbingan Kanak-kanak yang sekarang ini kelas-kelas itu ada sebanyak lebihkurang 350 buah semuanya.

Peruntukan sebanyak \$4,110,000 di bawah B. 51 adalah diperlukan oleh jabatan berkenaan untuk mencapai matlamat bagi menyatakan Orang-orang Asli ini dengan masyarakat nasional. Peruntukan tahun 1973 ini mengatasi peruntukan tahun 1973 sebanyak \$440,000.

Peruntukan bagi Kepala Pembangunan P. 49 adalah sebanyak \$241,020,000. Ianya akan dibelanjakan mengikut pecahan-pecahan kepala seperti berikut:

Pecahan Kepala 1—Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan;

Hingga akhir tahun 1972 Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan berjaya membuka 429,193 ekar tanah pertanian dan 33,195 ekar kawasan perumahan. Sejumlah 26,000 keluarga atau 155,000 orang telah ditempatkan di kawasan-kawasan itu dengan kemudahan-kemudahan sosial.

Daripada 427,193 ekar, 239,004 ekar ditanam dengan kelapa sawit yang mana 98,000 ekar telah mengeluarkan hasil. Yang selebihnya 188,189 ekar ditanam dengan getah dan 90,000 ekar daripadanya telah ditoreh.

Dalam Rancangan Malaysia Kedua, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan dikehendaki membuka kawasan seluas 275,000 ekar. Sehingga akhir tahun 1972, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan telah berjaya membuka 120,920 ekar iaitu 47,729 dalam tahun 1971, dan 73,191 ekar dalam tahun 1972 untuk tanaman getah, kelapa sawit dan tebu.

Dalam tahun 1973, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan akan membuka 100,534 ekar tanah lagi.

Untuk membolehkan Lembaga melaksanakan rancangan tahun 1973 Kerajaan telah mengadakan peruntukan berjumlah \$138,755,000 iaitu \$11,696,000 Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan dan \$27,059,000 untuk Rancangan Tanah Jengka di bawah P.K. (9).

Sebanyak \$28,702,000 daripada jumlah besar akan digunakan untuk belanja mengurus dan \$110,653,000 untuk pembangunan.

Peruntukan sebanyak \$138,755,000 ini telah diuntukkan kepada Lembaga dengan dua cara. \$105,000,000 adalah secara pinjaman untuk perbelanjaan pembangunan dan \$33,755,000 adalah sebagai perbelanjaan secara langsung untuk jumlah perbelanjaan mengurus dan jalan-jalan raya dan bekalan air di Jengka Tiga segi. Daripada \$33,755,000 itu perbelanjaan secara langsung itu, \$28,702,000 akan digunakan untuk perbelanjaan mengurus L.K.T.P. \$5,053,000 akan digunakan bagi perbelanjaan pembangunan khidmatan awam di dalam Jengka Tiga segi, di mana \$2,000,000 adalah untuk bekalan-bekalan air dan \$3,053,000 untuk jalan raya. Peruntukan bekalan air akan ditambah kepada 3 rancangan lagi dalam tahun 1973 bersama-sama dengan 8 rancangan yang ada sekarang ini. Wang yang akan dibelanjakan untuk pembinaan jalanraya adalah termasuk penyediaan ukur, penyediaan tanah dan membubuh batu. Kerja-kerja tersebut akan diselenggarakan oleh sebuah yunit khas Jabatan Kerja Raya yang telah ditubuhkan untuk menyelenggarakan kerja-kerja L.K.T.P.

Sebanyak \$105,000,000 yang diuntukkan bagi pinjaman akan meliputi kegiatan seperti berikut:

(a) *Pembukaan Tanah dan Menanam Tanaman-tanaman Utama:*

Seluas 100,534 ekar akan ditanam dengan tanaman-tanaman seperti berikut 63,408 ekar kelapa sawit, 34,126 ekar getah dan 3,000 ekar tebu. Anggaran perbelanjaan untuk pembangunan kawasan tersebut dalam tahun 1973 ialah \$36,117,000. Sebanyak \$14,753,000 lagi adalah dikehendaki dalam tahun 1973 bagi membiayai kerja-kerja kecil. Oleh itu jumlah perbelanjaan yang dikehendaki bagi aktiviti ini ialah \$50,870,000 dan ini adalah berupa pinjaman.

(b) *Penjagaan Ladang:*

Pinjaman sebanyak \$21,565,000 adalah diperlukan bagi membiayai perbelanjaan membeli baja, kimia, buruh dan lain-lain bahan untuk kawasan seluas 334,252 ekar.

(c) *Pemungutan dan Pengangkutan:*

Sebanyak \$4,168,000 adalah diperlukan dalam tahun 1973 untuk perbelanjaan pemungutan dan pengangkutan kelapa sawit.

(d) *Pembangunan Tapak-tapak Rumah Peneroka.*

Seluas, 5,022 ekar kawasan perkampungan akan dimajukan untuk tapak-tapak rumah peneroka, sekolah-sekolah, kelinik-klinik dan kemudahan yang lain. Sebanyak \$736,000 adalah diperlukan yang berupa pinjaman untuk memajukan tapak-tapak rumah untuk peneroka-peneroka. Sebanyak \$1,367,000 yang berupa "grant" secara langsung daripada Kerajaan adalah diperlukan bagi pembangunan tapak-tapak sekolah, kelinik dan kemudahan kemudahan yang lain.

(e) *Pembinaan Rumah-rumah Peneroka.*

\$6,072,000 adalah diperlukan bagi membiayai aktiviti ini iaitu pembinaan rumah-rumah peneroka. Bahawa sebanyak 4,000 keluarga akan ditempatkan dalam tahun 1973 untuk menjadikan jumlah kepada 30,000.

(f) *Pinjaman Tunai Peneroka.*

Anggaran perbelanjaan bagi pinjaman sarahidup peneroka dan pembelian alatan dan perkakas-perkakas untuk tahun 1973 ialah \$3,690,000. Pinjaman-pinjaman ini akan diberi kepada peneroka-peneroka yang mana ladang-ladang mereka masih belum mengeluarkan hasil.

(g) *Kemudahan-kemudahan Memproses.*

Sehingga tahun 1972 L.K.T.P. mempunyai 7 buah kilang kelapa sawit dan 2 kilang getah jenis S.M.R. Dalam tahun 1973 \$17,899,000 akan diperlukan untuk perkara-perkara seperti berikut: \$3,000,000 bagi menyiapkan 1 kilang getah; \$13,000,000 bagi kerja-kerja pembinaan 8 buah kilang-kilang kelapa baru dan memperbesar kilang-kilang yang sedia ada; \$1,899,000 untuk kemudahan tangki-tangki minyak di Kuantan, Pasir Gudang dan Pelabuhan Kelang.

Jumlah peruntukan sebanyak \$105,000,000 bagi pinjaman adalah \$18,274,000 lebih tinggi daripada jumlah peruntukan 1972. Ini adalah jelas menunjukkan betapa pesatnya peranan yang dimainkan oleh Lembaga dalam bidang pembangunan dan penempatan di negara ini.

Pecahan-kepala (2) MARA dan I.T.M.

Di bawah Pecahan Kepala 2, peruntukan sebanyak \$61,485,000 adalah dikehendaki, iaitu \$39,985,000 untuk MARA dan \$21,500,000 untuk I.T.M.

Bahagian Latihan

Bahagian Latihan akan merangka, membentuk dan melaksanakan rancangan-rancangan latihan terpilih meliputi semua peringkat-peringkat kemahiran untuk memenuhi sebahagian daripada keperluan sektor-sektor perusahaan dan perdagangan dalam negeri ini.

Dalam tahun 1973 Kolej Rendah Sains di Kuantan dan di Kota Bharu akan didirikan.

Bilangan pinjaman dan biasiswa dalam bidang sains dan teknologi akan ditambah.

Bilangan sekolah-sekolah Vokesional dan penubuhan latihan terpaksa ditambah lagi. Projek pembangunan yang penting yang sedang dijalankan adalah seperti berikut:

- (a) Tambahan kepada Instituti Kemahiran MARA yang sedang dibina di Melaka.
- (b) Pembinaan dua buah Instituti Kemahiran iaitu di Sungai Petani yang dijangka siap pada tahun 1973 dan di Kampung Pandan yang juga dijangka siap pada tahun 1973. Kedua-dua pusat boleh menampung 600 penuntut apabila siap.

Bahagian Pinjaman:

Bahagian ini akan memberikan kepada bakal peniaga-peniaga bumiputra yang sedia ada kemudahan-kemudahan kredit berdasarkan kepada pinjaman-pinjaman yang telah ditolak oleh Institusi-institusi perdagangan biasa.

Selain daripada itu MARA juga menjalankan projek-projek terpilih yang tertentu samada dibiayai keseluruhannya ataupun secara joint venture.

Bahagian Pengangkutan:

MARA telah pun menjual 21 perkhidmatan ini dan 9 lagi di dalam proses perundingan untuk dijual kepada syarikat-syarikat Bumiputra. MARA tidak lagi menjalankan bas-bas di atas jalan-jalan baharu di luar bandar yang tidak menguntungkan tetapi akan menumpukan kepada jalan "express" jarak yang menguntungkan pada masa hadapan. Hingga sekarang jalan "express" yang sedang dilaksanakan ialah:

Kota Bharu/Kuala Lumpur	perkhidmatan siang dan malam.
Kuala Lumpur/Alor Star	perkhidmatan siang.
Kuantan/Johor Bharu/Singapura	perkhidmatan siang.

Jalan-jalan "express" berikut adalah sedang ditimbang:

Pulau Pinang/Had Nyai, Siam.
Kuala Lumpur/Muar.
Batu Pahat/Singapura.
Butterworth/Taiping.

Bahagian ini juga diberi tugas dan tanggungjawab, iaitu:

- (i) Mengelakkan perjalanan syarikat pengangkutan besar-besaran (Haulage Company) yang sekarang telahpun mendapat 120 permit kelas A. 40 buah lori telahpun berjalan, dan 40 lagi pada akhir tahun ini;
- (ii) Memproses dan menyokong permohonan-permohonan untuk lesen-lesen lori kelas A daripada Bumi-putra.
- (iii) Untuk menentukan viability sesuatu projek.

Bahagian Perindustrian dan Perdagangan:

Akan menjalankan usaha:

- (i) Menjadikan projek "Pilot" MARA seperti mana yang telah dibentuk oleh Bahagian Khidmat Penasihat kepada "Unit Gerakan" (Operational Unit) mengikut perlaksanaan;
- (ii) Bertindak sebagai pemegang amanah bagi pihak MARA untuk menentukan projek-projek yang ada, dijalankan dengan cekapnya dan boleh mendatangkan keuntungan;
- (iii) Menumpukan tenaga untuk mengukuh dan memajukan syarikat-syarikat dan kilang-kilang yang telah sedia ada supaya menguntungkan.

Daripada \$21,500,000 yang diminta untuk I.T.M. \$10,500,000 adalah untuk belanja mengurus, dan \$11,000,000 untuk pembangunan.

Rancangan Kecil Luar Bandar

Pada tahun hadapan \$1,500,000 akan dibelanjakan untuk projek-projek kecil termasuk kampung-kampung baru. Rakyat adalah digalakkan bergotong-royong menjalankan usaha di kampung masing-masing supaya wang Kerajaan boleh digunakan untuk rancangan pembangunan yang lain yang lebih memberi besar menafaatnya.

Pembangunan Masyarakat. Untuk meneruskan kegiatan Pembangunan Masyarakat peruntukan sebanyak \$270,000 adalah diperlukan. Kementerian ini bertanggungjawab untuk memberikan latihan kepada penduduk-penduduk luar bandar dalam berbagai bidang dan juga melatih kanak-kanak kecil dalam

taman didikan kanak-kanak supaya mereka dapat belajar sebelum masuk ke sekolah yang sebenar. Di dalam rancangan ini juga Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar membangunkan kutub-khanah di beberapa buah kampung dan akan memperluaskan dari satu masa ke semasa.

Rancangan Kemajuan Getah dan Kelapa Sawit Trengganu

Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Trengganu telah memulakan rancangan tersebut di Sungai Tong pada tahun 1966 dengan mendapat pinjaman daripada Kerajaan Pusat. Untuk itu peruntukan \$2,000,000 adalah diminta untuk memajukan lagi kawasan-kawasan yang belum dimajukan seperti diminta di Pecahan Kepala (8).

Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara

Peruntukan sebanyak \$16,552,000 dan \$9,050,000 adalah dikehendaki oleh Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara untuk mencapai matlamat-matlamat untuk:

- (a) Memberi peluang pekerjaan kepada belia-belia dan juga keluarga-keluarga yang tidak bertanah.

Ladang-ladang Awam

Pada tahun hadapan Kementerian akan menjalankan usaha-usaha pembukaan ladang-ladang awam di negeri-negeri Kelantan, Johor, dan di lain-lain negeri, yang mempunyai tanah yang sesuai untuk pertanian. Peruntukan sebanyak \$10,000,000 adalah disediakan untuk menjayakan projek-projek itu seperti di pecahan-kepala (13).

Di bawah Kepala P. 50, P. 51 Jabatan Kemajuan Kerjasama peruntukan sebanyak \$5,994,000 adalah diperlukan bagi tahun 1973 dan bagi Jabatan berkenaan menjalankan kegiatan-kegiatan. Kerajaan akan terus mengalakkan pembangunan dan perkembangan Gerakan Kerjasama di Malaysia sebagai satu alat meninggikan taraf hidup rakyat khususnya di luarbandar.

Pada masa ini anggaran perangkaan menunjukkan bahawa ada sebanyak 2,842 syarikat-syarikat di Malaysia dengan 650,000 ahli. Jumlah kumpulan wang bagi syarikat-syarikat ini ialah sebanyak \$450 juta.

Jabatan Hal Ehwal Orang Asli telah dipindahkan ke bawah Kementerian ini mulai tahun 1972. Di bawah Kepala Perbelanjaan P. 51 Jabatan ini memerlukan peruntukan sebanyak \$1,664,000 pada tahun 1973 ini. Tujuan utama Jabatan ini adalah untuk berikhtiar dan berusaha menyatukan Orang-orang Asli sebagai satu masyarakat kecil dalam masyarakat nasional Malaysia.

KENYATAAN

Perusahaan Tangan (Cottage Industry)

Tuan Pengerusi, saya suka membuat satu kenyataan yang baru sahaja dipersetujui oleh Majlis Tindakan Negara berhubung dengan Perusahaan Tangan di Malaysia, terutama sekali mengenai pengeluaran kain batik.

Kerajaan menyedari akan masalah-masalah perusahaan membuat kain batik terutama batik yang dianggap sebagai perusahaan tangan (cottage industry) yang kebanyakannya berada di Pantai Timur semenanjung Malaysia. Kerajaan telah membuat kajian yang rapi mengenai perusahaan tangan (cottage industry) khasnya perusahaan batik tradisional dan memutuskan bagi membaiki dan memajukan perusahaan tangan itu lagi, bahawa sebuah Lembaga hendaklah ditubuhkan di bawah kuatkuasa Akta Majlis Amanah Rakyat untuk mengawal mutu, mengawal pengeluaran dan meluaskan pemasarannya. Lembaga tersebut akan diberi kuasa mendaftar dan mengeluarkan lesen-lesen bagi berbagai-bagai perusahaan tangan dan memberikan galakan-galakan atau insentif-insentif bagi memajukan lagi perusahaan tangan itu.

Langkah yang diambil oleh Kerajaan ini tidak bertujuan menghalang perkembangan perusahaan-perusahaan yang mengeluarkan barang-barang tiruan, kerana nilainya adalah berbeza daripada nilai perusahaan tangan asli (cottage industry). Langkah yang diambil ini akan menjamin nilai dan mutu barang-barang perusahaan tangan, dari segi seni; dan nilai masyarakat terhadapnya. Di masa-masa yang lepas bukan sahaja banyak perusahaan tangan (cottage industry) mengalami masalah tiruan tetapi juga ada di antara pengusaha-pengusaha dan pedagang-pedagang yang telah mengambil keuntungan besar atas kegemaran pelancung-pelancung dan lain-lain pengguna barang-barang perusahaan tangan asli tanpa menghiraukan akibat buruk ke atas perusahaan-perusahaan tangan asli di negara ini.

Kegemaran pengguna-pengguna di luar negeri terhadap perusahaan-perusahaan tangan Malaysia, terutama batik, sedang meningkat semenjak beberapa tahun yang lalu dan meskipun "volume" barang-barang perusahaan tangan yang diekspor itu telah memberikan keuntungan kepada ekonomi dan imej negara ini, tetapi malangnya keuntungan yang di dapati oleh pengusaha-pengusaha tangan tempatan tidak setimpal dengan keuntungan-keuntungan pihak pengusaha dan pedagang yang bertindak secara melulu atau indiscriminate.

Lembaga untuk mengawal mutu barang-barang perusahaan tangan yang dicadangkan ini akan bergerak tegas untuk memodenkan perusahaan-perusahaan tangan (cottage industry) dari aspek pengeluaran sehinggalah ke peringkat pemasarannya. Dengan ini adalah dijangka bahawa bukan sahaja pengusaha-pengusaha kecil, terutama di kampung-kampung dapat mengembangkan kemajuan dan mutu perusahaan tangan mereka bahkan juga nama baik yang telah di capai oleh negara Malaysia di sebabkan kegemaran pengguna-pengguna luar negeri terhadap perusahaan tangan asli kita akan dapat dimajukan lagi.

Antara lain-lain rancangan yang akan dilaksanakan oleh Lembaga apabila ditubuhkan kelak ialah:

- (a) Mengawal quantity pengeluaran supaya batik yang dikeluarkan tetapi mendapat pasaran dengan syarat batik itu mempunyai mutu seperti yang ditentukan oleh Lembaga ini.
- (b) Membantu pembatik-pembatik dalam soal permodalan.
- (c) Berikhtiar bagi mendapatkan barang mentah dengan harga yang lebih murah.
- (d) Menyediakan bangunan-bangunan yang sesuai untuk membolehkan mereka mengeluarkan batik dengan cara yang lebih teratur dan tinggi mutunya. Bangunan itu boleh disewakan atau dijual terus kepada mereka dengan bayaran beransur-ansur.
- (e) Mengkaji sistem membuat batik dengan cara upah. Jika mereka mengambil upah daripada perbadanan maka perbadanan akan menimbangkan bagi mendapatkan upah-upah yang lebih baik bagi mereka.

- (f) Mengawal dan menentukan batik supaya mempunyai mutu yang tinggi.
- (g) Mengadakan peraturan-peraturan bagi mengawal hak-cipta bagi design-design. Tujuannya supaya design-design yang dibuat dengan mutu yang tinggi tidak dapat disalahgunakan atau ditiru oleh pengusaha-pengusaha yang mengeluarkan mutu yang rendah.
- (h) Menjalankan usaha-usaha penggalakan (promotional campaign) bagi melariskan penjualan yang mungkin memerlukan pembukaan kedai-kedai di bandar-bandar besar di luar negeri untuk mempamerkan dan menjualkan barang-barang buatan tangan Malaysia dengan lebih luas lagi.
- (i) Membesarkan lagi Pusat Penyelidikan Pertukangan Tangan MARA yang sekarang di Pantai Timur supaya dapat membantu meningkatkan mutu barang-barang buatan tangan dengan teknik-teknik baru.
- (j) Lembaga ini akan memberi tanda yang khas kepada kain-kain batik yang sebenar-benarnya dibuat dengan tangan (cottage industry) bagi membezakan batak yang dibuat dengan mesin supaya pembeli-pembeli dalam dan luar negeri mengetahui dengan sebenar-benarnya samada batik itu buatan tangan ataupun tidak.

Proses memodenkan perusahaan tangan (cottage industry) ini adalah sebahagian daripada usaha Kerajaan memodenkan kawasan-kawasan luar bandar di bawah Dasar Ekonomi Baru. Ia akan dilaksanakan dengan teratur tanpa merosakkan atau mengeneipkan nilai-nilai tradisi yang memberi kualiti kepada sesuatu perusahaan tangan. Fahaman dan penerimaan pengusaha-pengusaha adalah mustahak.

MARA dan lain-lain ejensi-ejensi pembangunan, akan menyediakan tempat-tempat/, kemudahan-kemudahan dan bangunan-bangunan untuk perusahaan tangan yang boleh menimbulkan suasana yang lebih baik di samping menjaga kehendak-kehendak pengusaha-pengusaha yang berkemahiran di kampung-kampung. Saya berharap pengusaha-pengusaha kita di kawasan luar bandar, terutama pembatik-pembatik di Pantai Timur Malaysia akan mengikuti

proses mempermodenkan perusahaan tangan ini agar perusahaan-perusahaan tangan negara kita dapat di majukan keperingkat antarabangsa.

Tuan Peter Paul Dason: (*Dengan izin*) Tuan Pengerusi, I refer to Head P. 49, page 372 Subhead (1), Federal Land Development Authority. Tuan Pengerusi, under the Second Malaysia Plan, Government hopes to open about a million acres of land within the Plan period of five years. Sir, I do not see how Government can successfully carry out its Plan. Since independence, Tuan Pengerusi, we have not been able to open land to that extent; and I do not see how within the next five years, within the Plan period, this can be done. All that the Government has done over the years is simply to scratch the surface over the problem of landlessness in the country and this has been admitted by the Honourable Deputy Minister of Trade and Industry whilst he was the Chairman of the FLDA. Further it costs the Government in the region of \$15,000 to settle a single family in a land scheme. The Government makes those whom it has settled on these land schemes to pay an interest at the rate of 6½%. On \$15,000, the interest at 6½% works out to over \$900 per year. This is a very large sum of money, Tuan Pengerusi, for the settlers to repay. They have to repay the principal plus interest and as a result of this policy of the Government forcing settlers to repay the principal plus interest, many of the settlers are in great hardship. They do not earn enough to repay the principal plus interest and have a balance to maintain their families. It is wrong for the Government to do so, and I hope that the Government would waive the necessity of these settlers making this payment of interest.

Further, Tuan Pengerusi, why are the settlers made to pay such high interests when Government uses public funds to enable top civil servants to buy houses at the rate of only 4%. Settlers who are poor and who need help are charged 6½% interest. Is this fair? This is definitely unfair, and I think that the Government has got its priorities all wrong. It has got its values all wrong. Who should be helped? Civil servants who are rich, or the people, the settlers in land development schemes? At the rate that the Government is opening up land schemes, it would take over 100 years, Tuan Pengerusi, to solve our landlessness problem. As it is, there are over

200,000 landless peasants in the country and instead of helping them—yes, land schemes are opened up—they have to pay interests at high rates. At that rate we are going to have peasants that are virtually poor, peasants who will be indebted to the Government and it will take them at least 15 to 20 years or more than 20 years perhaps, to repay just the loan.

Further, Tuan Pengerusi, why is it that the cost of opening up land to settle one family is so high? Cannot the Government reduce the expenditure, the cost of opening up these land schemes. The Government should find ways and means to reduce the cost of settling families in land schemes. The Government seems to take the attitude that they must be very paternalistic in matters of re-settlement, that they and they alone should open up land and nobody else be allowed. They take the attitude that our rural population has no initiative, that they must be spoon-fed when in fact that is not the case. Tuan Pengerusi, our rural population has the initiative, they have the "go" and the spirit to open up new lands. The case of Hamid Tuah and his followers is very illustrative of this spirit. What do we do with these people? We send them to jail instead. I hope the Government would change its attitude towards people in the rural areas, who have the initiative, the guts and the spirit to open up lands to settle landless peasants.

Wan Mokhtar bin Ahmad (Kemaman): Tuan Pengerusi, saya menyentuh Kepala P. 49, Pecahan-kepala 2—Amanah Rakyat.

Tuan Pengerusi, saya mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan yang telah melancarkan Amanah Saham MARA beberapa tahun yang lalu yang mana pada masa ini mendapat sambutan hangat setiap rakyat bumiputra dan mendapat kepercayaan penuh dari mereka.

Sebagaimana yang kita tahu pada mulanya dilancarkan Amanah Saham MARA ini sambutannya tidaklah begitu hangat seperti hari ini, tetapi setelah masing-masing melihat kejayaannya baharulah sambutan hangat ini diberi. Ini terbukti dengan ramainya pada tiap-tiap hari di Pejabat-pejabat MARA di kunjungi oleh orang ramai.

Sebagaimana yang kita tahu pada masa ini Amanah Saham MARA dilancarkan pada tiap-tiap 8 bulan ataupun setahun sekali. Memandangkan kepada sambutan ini, saya harap Yang Berhormat Menteri dapat menimbangkan untuk melancarkan sekurang-kurangnya 4 bulan sekali.

Tuan Pengerusi, Kepala P. 49, Pecahan-kepala 16—Pusat Latihan untuk Perusahaan Luar Bandar. Menyentuh Pusat Perusahaan ini, saya harap Pusat ini tidak sahaja mengadakan latihan-latihan, tetapi juga menjadi pusat membeli hasil-hasil perusahaan tangan yang banyak diusahakan oleh penduduk-penduduk luar bandar seperti tikar, tudung saji dan lain-lain kerja tangan yang diusahakan oleh penduduk-penduduk luar bandar dan juga wanita-wanita lepasan dari Pusat Latihan tersebut. Kerana pada masa ini saya dapati pengusaha-pengusaha tersebut sangat sukar untuk menjual hasil-hasil kerja tangan mereka bagaimana yang didapati, terutama sekali di kawasan saya di Paka di mana penduduk-penduduk di situ adalah mahir dalam anyaman. Tetapi satu masaalah yang dihadapi ialah tidak ada pasaran dan tidak ada orang yang akan membeli dari hasil usaha mereka. Dengan adanya pengumuman yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri sekejap tadi, saya harap perkara ini dapat diatasi dan dapat dilaksanakan dengan segera.

Satu perkara lagi, Tuan Pengerusi, mengenai Aktiviti (3) B. 49, Pembangunan Masyarakat dan Pelajaran Dewasa.

Kelas Pelajaran Dewasa adalah satu kelas yang berguna dan menjadi satu saluran di mana guru-guru kelas yang tersebut yang ikhlas dapat menyampaikan sesuatu yang dijalankan oleh Kerajaan dengan berkesan. Oleh itu, kalau kita pandangan peruntukan yang ada di dalam buku ini, peruntukan diberi dalam segi gaji adalah lebih kurang daripada peruntukan yang telah diberi pada tahun yang lalu. Oleh itu, saya bimbang dengan berkurangnya kelas-kelas dewasa ini, satu alat perhubungan yang berkesan diantara Kerajaan dengan rakyat di kampung-kampung telah berkurangan. Dengan ini, saya harap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dapat menimbang bagi membanyakkan lagi kelas-kelas tersebut dengan diubahsuai sukatan pelajarannya mengikut keadaan masa dan tempat.

Itulah sahaja, Tuan Pengerusi dan saya menyokong peruntukan ini.

Dr Chen Man Hin (Seremban Timur): *(Dengan izin)* Tuan Pengerusi, under Head P. 49, sub-head 1 and 9—Federal Land Development Authority, I wish to make one or two points. It has been announced recently by the Government that it intends to give land to the landless of all races of whatever the colour or creed. Therefore, I would urge the Honourable Minister of National and Rural Development to consider the plight of also the new villagers, most of whom are living in rural areas and do not have land of their own to till or to cultivate. Therefore, any land schemes in future should not only be concentrated in areas far away from new villages as well in order to give those who are unemployed in new villages a chance to make a living.

Tuan Pengerusi, I have often received complaints from people, from the rakyat, saying that while they apply for land in FELDA and other land schemes, they have been often discriminated against and there is always the complaint that they have been told that they must join either the Alliance or any of the Alliance partners like M.C.A. or UMNO or M.I.C.; otherwise they would not qualify for getting a piece of land. I think this is grossly unfair and since the complaints not only come from one particular race but from Malays as well as the Chinese and the Indians, I urge the Government to look into the matter and to ensure that land will not only be given to friends of those in power, in position or in authority, but also to people who are genuinely poor. I would urge the Government to set up a Land Distribution Committee in every State to study the qualifications of every individual and to ensure that they are given land on the basis of need, that means that they are landless and not because they are a friend of a high Government official or Menteri-menteri Besar or Ministers.

Tuan Pengerusi, on the policy of land development; while it is my intention to urge the Government to develop more land by planting rubber and oil palm and other crops, I would like to question the advisability of giving a piece of land to a settler who only plants, say, rubber. This, I think, will put him in a very precarious position especially if the price of rubber were low as happened last year. So for the settler

to plant only rubber and make a living on rubber alone would be quite a difficult task for him, as experienced last year and the year before. Therefore, it might be advisable for the Government, in future land schemes, to have diversification and maybe possibly, instead of giving them a piece of land, give them shares in these land schemes so that they will enjoy the benefits of diversified schemes. So should the price of rubber be low, if the price of palm oil is good, then they would not have suffer that much.

Tuan Pengerusi, under Head P. 49—Mara Institute of Technology—I see here that the objective, as stated here, is to implement and streamline a comprehensive training and education to train bumiputras in the field of business, professions, science and technology. In this way, more bumiputras would be able to participate in business and professions. Tuan Pengerusi, Sir, I have no objection to the policy to help Malays in business or to advance themselves in science and technology. But I would like to remind the Government also that there are not only poor Malays, but there are also poor non-Malays in the country and since the Government professes to look after the poor of all races, that they are multi-racial in outlook—I hope so—I think it is time for MARA to change its policies and open the doors to students of all races; while attention must be paid to Malays, non-Malays should be encouraged to apply for admission to the MARA Institute of Technology so that they also can have a chance to earn a living, to get the skill and to make themselves useful components of society. Hence I sincerely hope the Government will look into this matter and open the doors of MARA to students of all races.

Tuan Valentine Cotter (Bau-Lundu): Tuan Pengerusi, saya suka mengambil bahagian bercakap berkenaan Kepala B. 49, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Tuan Pengerusi, secara ringkas saya ingin menyebutkan berhubung dengan pembangunan negara dan luar bandar ini.

Tuan Pengerusi, saya nampak sampai sekarang ini banyak tempat-tempat di luar bandar tidak ada apa-apa kemajuan di Sarawak, di kawasan saya Bau-Lundu nampaknya jauh sangat tinggal di belakang

seperti rumah-rumah kedai di pekan-pekan sana masih lagi bangunan lama dan hampir buruk oleh sebab dibuat dengan kayu dahulu. Jalan-jalanraya pun sempit dan dibuat dengan batu sahaja.

Tuan Pengerusi, begitu juga keadaan di kampung-kampung yang jauh dari bandar. Jalan-jalan rayanya belum ada lagi dibuat dan jambatan-jambatan kecil.

Tuan Pengerusi, saya minta Kerajaan memajukan atau develop satu district yang dinamakan Sematan di kawasan Lundu, Sarawak.

Sebab saya nampak tempat itu elok sangat untuk pelancung-pelancung kita, tempat itu terletak di tepi laut very beautiful sea beach. Di sana sudah ada jalanraya besar iaitu jalanraya secara batu sahaja boleh jalan dengan kereta-kereta kecil dan besar sampai ke bandar Kuching jauhnya lebih kurang 79 batu dari Kuching. Dan saya minta Kerajaan supaya jalan raya besar itu dibaiki lagi dan dibuat dengan tar. Tuan Pengerusi, oleh yang demikian saya minta Kerajaan supaya pembangunan negara dan luar bandar itu dapat diatasi dengan secepat mungkin.

Pada akhirnya, Tuan Pengerusi, ada satu perkara yang amat mustahak iaitu wang. Oleh sebab kalau tidak ada wang; no money, no work. Jadi saya minta Kerajaan supaya Kepala Bekalan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ini dapat wang banyak lagi pada tahun akan datang supaya masalah-masalah ini dapat diatasi dengan sempurna.

Tuan Chan Siang Sun (Bentong): Tuan Pengerusi, saya bangun mengucapkan setinggi-setinggi terima kasih dan tahniah kepada Kementerian ini oleh kerana dalam Rancangan Malaysia Yang Pertama dan sekarang yang Kedua saya dapat tahulah Kementerian sudah membuat banyak perubahan-perubahan khususnya di luar bandar. Jadi saya sebagai seorang dari negeri Pahang cukup bersyukur dan saya bagi pihak penduduk di negeri Pahang ini mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih oleh kerana dari mula Kementerian ini ditubuhkan sampai sekarang negeri Pahang dapat banyak rancangan-rancangan khususnya tanah, hari ini bukan sahaja banyak tempat-tempat di luar

bandar telah dapat dimajukan tetapi di bandar-bandar juga seperti Bandar Temerloh, Mentakab, Jerantut, Maran dan banyak bandar juga dalam negeri Pahang ini dapatlah rancangan L.K.T.P. ini dibuka. Jadi bandar-bandar itu sudah bertambah maju. Dan saya ucapkan terima kasih kepada Kementerian khasnya kepada Yang Berhormat Menteri kita dan harap dapatlah membuka lebih banyak rancangan-rancangan tanah di negeri Pahang pada masa akan datang.

Di sini saya suka lah menyentuh satu dua perkara kepada Yang Berhormat Menteri kita iaitu perkara yang pertama berkenaan tanah-tanah untuk dusun di Rancangan Lorah Bilut. Pada masa sekarang saya ingat kalau tidak silap saya, tanah-tanah untuk peserta-peserta membuat dusun mereka belumlah dapat diusahakan lagi ataupun dibagikan lagi, dan saya haraplah perkara ini, Yang Berhormat Menteri mengarahkan supaya tanah ini boleh dapat diberikan kepada peserta-peserta itu.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya suka bawa satu perkara juga iaitu berkenaan jalan masuk ke Rancangan Kampung Sertih, Sungai Dua dalam kawasan saya juga. Jalan yang masuk ke rancangan ini kena menaiki sebuah bukit yang cukup tinggi dan cukup curam. Jadi, perkhidmatan bas dan teksi tidak mudah hendak memasuki ke rancangan ini, jadi peserta-peserta di sana khasnya murid-murid hendak pergi ke sekolah-sekolah menjadi satu masalah. Jadi baharu-baharu ini bila Tuanku Sultan kita melawat di kawasan itu, peserta-peserta telahpun merayu kepada Tuanku dan juga orang-orang di situ telah membuat satu nyanyian yang cukup sedap berhubung dengan bukit itu. Jadi bagi pihak Negeri saya dapat tahu pihak Jabatan Kerjaraya telah membuat laporan dan saya haraplah Yang Berhormat Menteri kita membuat rundingan dengan Jabatan Kerjaraya di Ibu Pejabat barangkali kita dapatlah kerjasama kedua-dua Kementerian ini supaya bukit itu dapat direndahkan, mudah-mudahan peserta-peserta di sana boleh menggunakan jalan itu dengan senangnya.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya ada satu perkara hendak cakapkan berkenaan dengan Rancangan Tanah Belia. Ini saya fikir satu usaha atau langkah yang cukup baik di

bawah Kementerian kerana banyak pemuda-pemuda kita sampai masa sekarang belum dapat peluang mendapat tanah. Jadi baharu-baharu ini saya dapat tahu juga di kawasan saya dekat Rancangan Tanah Lembah Bilut, kita telah dapat dengan jasa baik dari Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar mengeluarkan 500 ekar tanah untuk belia-belia di daerah Bentong. Di sini saya suka lah mengambil peluang mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kementerian ini dan saya harap mudah-mudahan dapatlah pemuda-pemuda di daerah Bentong memasuki rancangan ini.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Pengerusi, wakil dari Pulau Pinang Utara mengatakan pembukaan tanah sebanyak 10 ekar berharga \$15,000 itu sangat tinggi. Pembukaan Tanah L.K.T.P. adalah dengan jalan tender, tender-tender yang murah biasanya diterima bagi menjayakan rancangan tersebut. Jika sekiranya Ahli Yang Berhormat itu sendiri suka hendak mengurangkan lagi perbelanjaan saya pun suka menerimanya dan beliau boleh cuba menjadi kontrekter dan mengambil upah yang lebih murah, L.K.T.P. sanggup menerimanya.

Berkenaan dengan interest yang dikenakan 6½%, saya suka menjelaskan bahawa L.K.T.P. meminjam wang daripada Bank Dunia dengan interest 7½%, ini bermakna Kerajaan Persekutuan telah memberikan pertolongan subsidy sebanyak 1½% kepada tiap-tiap peserta selain daripada bantuan yang lain-lain, membina jalan, community centre, mesjid dan sebagainya lagi. Pada masa ini peserta-peserta dalam Rancangan Tanah Kelapa Sawit dapat membayar hutangnya dengan senang, tetapi malangnya oleh harga getah jatuh, maka peserta dalam rancangan getah susah sedikit dan L.K.T.P. sedang menimbangkan cara-cara yang lebih berkesan untuk merengankan beban mereka itu.

Ahli Yang Berhormat dari Kemaman meminta supaya Amanah Saham MARA dilancarkan tiap-tiap bulan. Ini adalah satu cadangan yang baik, tetapi Amanah Saham MARA terpaksa menimbang pasaran pada tiap-tiap masa. Jika pasaran tidak begitu elok, maka tidaklah patut Amanah Saham MARA dilancarkan pada waktu itu, kerana akan merugikan pembeli-pembeli dan ucapannya mengenai Kelas Kemajuan Masyarakat adalah diambil ingatan.

Ahli Yang Berhormat dari Seremban Timur meminta supaya FELDA membuka tanah di keliling new villages. Jawapannya FELDA sedia membuka tanah dekat dengan new villages kalau sekiranya ada tanah yang sesuai Biasanya FELDA membuka tanah lebih daripada 10,000 ekar ke atas dan biasanya tidak didapati di kawasan sekeliling new villages. Penduduk-penduduk di new villages boleh memohon supaya mendapat tanah dalam rancangan FELDA jika mereka mempunyai syarat. FELDA bukannya untuk satu bangsa sahaja, tetapi terbuka kepada semua bangsa dan saya suka menafikan tuduhan beliau yang tidak bertanggungjawab mengatakan ahli-ahli politik yang menyokong Kerajaan dan saudara-saudara kepada pegawai-pegawai Kerajaan dan Menteri-menteri dapat memiliki tanah, sedangkan orang lain tidak dapat adalah satu tuduhan liar dengan tidak dapat diterima melainkan ada bukti-buktinya yang cukup terang.

Begitu juga I.T.M. pada masa ini dibukakan kepada orang Melayu sahaja, kerana dasar Kerajaan hendak meramaikan lagi bangsa Melayu supaya dapat menyertai dalam dunia perniagaan dan perusahaan. Bangsa yang bukan Melayu memang telah cukup ramai maju dalam perniagaan dan perusahaan, maka dengan tujuan itulah diberi pertolongan kepada orang Melayu dan apabila orang Melayu dapat setanding dengan orang Cina dan orang India tentulah sekolah-sekolah yang seperti itu boleh dibukakan kepada semua bangsa dan sekolah seperti itu mungkin tidak mustahak lagi diadakan.

Ahli Yang Berhormat sahabat saya dari Sarawak telah membuat berbagai rayuan adalah diambil perhatian.

Ahli Yang Berhormat dari Bentong juga banyak menyebutkan masaalah di kawasan-nya adalah diambil ingatan, boleh dijalankan apabila didapati cukup wang tenaga rakyat dijalankan. Terima kasih.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$6,864,000 untuk Kepala B. 49, \$5,826,000 untuk Kepala B. 50; \$4,110,000 untuk Kepala B. 51 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual dan wang sebanyak \$241,827,020 untuk Kepala P. 49; \$168,000 untuk Kepala P. 50 dan

\$1,644,800 untuk Kepala P. 51 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1973.

Kepala B. 52 hingga B. 60; P. 52 hingga P. 57, P. 57, P. 59, P. 60—

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Pengerusi, dengan izin tuan saya bangun membentangkan anggaran belanja mengurus bagi Kementerian Perhubungan dan Jabatan-jabatan di bawah Kementerian saya di bawah Kepala B. 52 hingga B. 60 diambil sekali gus:

B. 52 Kementerian Perhubungan ...	\$ 3,039,200
B. 53 Penerbangan Awam	5,516,400
B. 54 Penerbangan Awam, Malaysia Timor ...	4,662,200
B. 55 Perkhidmatan Kaji-cuaca ...	3,666,300
B. 56 Jabatan Laut ...	3,300,800
B. 57 Jabatan Laut, Malaysia Timor ...	5,217,500
B. 58 Pengangkutan Jalan	4,204,800
B. 59 Perkhidmatan Pos ...	39,984,200
B. 60 Jabatan Talikom ...	10
Semuanya berjumlah ...	\$69,591,410

menjadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi, saya suka juga membentangkan Anggaran Pembangunan bagi Kementerian Perhubungan dan Jabatan-jabatan di bawahnya di bawah Kepala-kepala P. 52 hingga P. 60 iaitu:

P. 52 Kementerian Perhubungan ...	\$ 57,734,263
P. 53 Penerbangan Awam	28,169,603
P. 54 Penerbangan Awam, Malaysia Timor ...	11,369,100
P. 55 Perkhidmatan Kaji-cuaca ...	778,020
P. 56 Jabatan Laut ...	6,815,050
P. 57 Jabatan Laut, Malaysia Timor ...	1,232,010
P. 59 Perkhidmatan Pos	4,734,520
P. 60 Jabatan Talikom ...	30,000,000
Semuanya berjumlah ...	\$140,832,566

menjadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1973.

Saya berasa sangat sukacita kerana diberi peluang dengan ringkas berucap kepada Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan dengan kemajuan-kemajuan pembangunan di bawah Kementerian saya semenjak saya mengambil alih Kementerian Perhubungan selama setahun lebih kurang. Tahun 1972 ialah satu tahun yang beribarat kerana banyak projek-projek telah dapat dilaksanakan mengikut Jadual.

Jumlah anggaran belanja mengurus tahun 1973 melebihi jumlah bagi tahun 1972 sebanyak \$9,339,252 atau 15.5%, dari jumlah itu tambahan kepada peruntukan gaji adalah sebanyak \$6,325,944. Sebahagian besar tambahan kepada peruntukan gaji ini disebabkan oleh pelaksanaan tangga-tangga gaji baharu di Sabah dan Sarawak berikutan dengan perakuan-perakuan Suruhanjaya Gaji Suffian. Selain dari itu jawatan-jawatan tambahan yang telah diluluskan bagi Kementerian dan Jabatan-jabatan serta peruntukan bagi kenaikan-kenaikan gaji tahunan juga menyebabkan tambahan kepada peruntukan gaji. Tambahan peruntukan selain daripada gaji berjumlah \$3,013,308.

Anggaran Pembangunan tahun 1973 pula melebihi Anggaran Perbelanjaan tahun 1972 sebanyak \$38,842,676 atau 38%. Ini membuktikan bahawa dalam tahun 1973 projek-projek pembangunan bagi Kementerian saya di bawah Rancangan Malaysia Kedua akan dilaksanakan dengan lebih pesat lagi.

Jabatan Perkhidmatan Pos

Sukacita saya melapurkan bahawa rancangan-rancangan di bawah kelolaan Jabatan Perkhidmatan Pos tahun 1972 telah selesai 100%. Pada akhir tahun 1972 sebanyak 38 Pejabat-pejabat Pos bergerak telah dilancarkan. Semua peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Kedua bagi projek ini telah dibelanjakan dan Jabatan ini sedang membuat permohonan untuk mendapatkan peruntukan lagi supaya projek ini dapat dilanjutkan. Bagi tahun 1973 beberapa Pejabat-pejabat Pos Besar yang baru sedang dirancang. Di antaranya ialah Pejabat Pos Besar (General Post Office) di Kuala Lumpur, Ipoh, Kota Bharu, Kuantan dan Kuching. Semuanya berjumlah 26 projek pejabat pos baru sedang dalam rancangan, dan 9 buah Pejabat Pos sedang dibina di Malaysia Barat. Di Malaysia Timur pula

pejabat-pejabat pos akan dibina di Miri, Padungan dan Simujan di Sarawak dan di Tambunan, Kuala Penyu, Sipitang dan Tamparuli di Sabah.

Jabatan Talikom

Sebagaimana yang telah saya nyatakan dalam Dewan ini pada tahun lalu Jabatan Talikom telah diubahkan ke Sistem Kewangan Perdagangan (Commercial accounting system). Peruntukan di bawah Kepala P. 60 sejumlah \$30 juta ialah wang di pinjaman sebagai tambahan kepada punca-punca kewangan Jabatan ini yang tidak mencukupi untuk pelaksanaan projek-projek pembangunan. Anggaran belanja berjumlah \$181.8 juta menakala hasil dari perkhidmatan-perkhidmatan talikom berjumlah \$151.8 juta, iaitu kekurangan sebanyak \$30 juta.

Bagi tahun 1972 kemajuan projek-projek pada akhir tahun ialah 94%. Sebuah Ibusawat tambahan yang mengandungi 5,000 talian telah dibina di Petaling Jaya. Sebuah Ibusawat baharu di Sibu dan perhubungan gelombang mikro. Kuching/Sibu bagi 960 liter telah juga dibina dengan belanja \$7 juta. Perhubungan talipon melalui gelombang mikro telah juga dibina diantara Kuala Lumpur/Johor Bahru mengandungi 960 liter.

Bagi tahun 1973 beberapa projek-projek baharu akan dimulakan. "Microwave link" diantara Sabah dan Sarawak sedang dibina dengan jumlah belanja \$24 juta. Ini akan mengandungi 960 liter talipon dan 2 liter untuk talivisyen, iaitu untuk menyambung Kuching, Sibu, Bintulu, Miri, Limbang, Beaufort dan Kota Kinabalu. Penyambungan ini akan dapat memberi kemudahan talivisyen kepada sebahagian besar Negeri Sarawak.

Perkhidmatan talipon (micro-wave) di antara Kuala Lumpur dan Johor Bahru akan ditambah lagi sebanyak 1,800 liter dalam tahun ini dan tindakan sedang diambil untuk mendapatkan alat-alat kelengkapannya. Perkhidmatan di antara Kuala Lumpur-Ipoh-Pulau Pinang juga akan ditambah dengan 1,800 liter lagi dan tindakan juga sedang diambil untuk mendapatkan alat kelengkapan bagi projek ini. Kedua-dua projek ini akan memakan belanja \$11 juta. Kerja-kerja akan dimulakan di dalam tahun

ini untuk membina Ibusawat-ibusawat talipon yang baharu di tempat-tempat yang berikut:

- (1) Sungai Way (5,000 talian)
- (2) Kampong Pauh, Kuala Lumpur (5,000 talian)
- (3) Ipoh (tambahan 5,000 talian)
- (4) Johor Bahru (4,000 talian)
- (5) Cheras (3,000 talian).

Untuk melaksanakan kerja-kerja yang tersebut bagi tahun ini dan memperbaiki lagi perkhidmatan talikom sebanyak 2,203 jawatan tambahan adalah dikehendaki.

Butir-butir yang lanjut mengenai perbelanjaan Jabatan Talikom adalah diterangkan dalam Kertas Statut Bil. 149/72 yang akan dibentangkan dalam Dewan ini.

Jabatan Kajicuaca

85% daripada projek-projek di bawah Jabatan Kajicuaca bagi tahun 1972 telah diselesaikan dan baki 15% lagi akan disambungkan pada tahun ini. Satu alat yang baru yang akan digunakan dalam tahun ini ialah "Runway Visual Range" (R.V.R.). Alat yang baru ini akan digunakan sebagai Navigational aids untuk membantu kapal-terbang-kapal-terbang mendarat dan berlepas. 2 daripada 3 buah Radar Amaran Ribut telah mula bergerak pada akhir tahun 1972 di Kota Bharu dan Kuala Lumpur dan radar yang ketiga di Kuantan akan siap dalam tahun 1973. 2 buah Balai Kajicuaca baru akan dibina di Kluang dan Termerloh dalam tahun ini. Sebuah Stesyen baru akan juga dibina di kawasan Lapangan-terbang Senai di Johor Bharu, Johor.

Satu aktiviti baru telah dimulakan oleh Perkhidmatan Kajicuaca Malaysia untuk memberi maklumat kepada badan-badan seperti FELDA, FAMA, dan Jabatan Pertanian yang terlibat dalam Pertanian. Bahagian ini ialah "Agrometeorology" dan bahagian ini akan diperbesar lagi dalam tahun-tahun yang akan datang. Satu komputer akan digunakan oleh Perkhidmatan Kajicuaca untuk menganalisa data-data cuaca dengan pantas.

Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu

Dari segi kewangan tahun 1972 adalah satu tahun yang baik bagi Pentadbiran Keretapi. Jumlah pendapatan bagi tahun ini

ialah \$73.06 juta dan perbelanjaan mengurus berjumlah \$70.17 juta. Perbelanjaan telah dapat dikurangkan hampir \$2 juta dan pendapatan telah bertambah sejumlah \$3 juta jika dibandingkan dengan pendapatan 1971. Kekurangan (deficit) bagi 1972 adalah lebih kurang \$8 hingga \$9 juta dibandingkan dengan \$17 juta dalam tahun 1971. Kekurangan ini adalah disebabkan oleh peruntukan bagi "Depreciation" atas alat-alat kelengkapan.

Jumlah penumpang keretapi telah juga bertambah berlipat ganda dalam tahun 1972. Mengikut anggaran pendapatan dari penumpang-penumpang ialah \$22.0 juta akan tetapi pendapatan sebenarnya ialah \$23.52 juta iaitu satu jumlah yang diramalkan oleh Pakar-pakar dari Bank Dunia yang hanya akan dapat dicapai dalam tahun 1976. Ini bermakna kita telah maju 5 tahun lebih dahulu mendapatkan hasil yang begitu baik. Pihak Pentadbiran Keretapi sedang giat memperbaiki lagi segala kemudahan-kemudahan untuk penumpang bagi tahun 1973. Adalah diharapkan bahawa lebih ramai lagi penduduk-penduduk negara kita ini akan menggunakan perkhidmatan keretapi, terutama apabila perkhidmatan relkar diesel berhawa dingin yang berjalan terus dari Butterworth ke Singapura apabila bermula dalam tempoh 12 jam dengan berhenti di setesyen yang besar-besar sahaja.

Sebuah Pusat Latihan telah selesai dibina 2 bulan yang lalu dengan belanja \$1.7 juta. Latihan kakitangan adalah perlu bukan sahaja untuk Jurutera-jurutera atau Juruteknik-juruteknik bahkan juga untuk Pegawai-pegawai Terafik yang berdamping-rapat dengan orangramai setiap hari. Adalah menjadi matlamat Pentadbiran Keretapi bahawa perkhidmatannya bukan sahaja cekap akan tetapi juga bersopan santun terhadap mereka yang menggunakan dan juga kepada mereka yang berunding atau bertemu tiap-tiap hari. Tujuan ini akan dapat dicapai dengan mengadakan kursus "Re-orientation" bagi Ketua-ketua Stesyen, guard-guard dan lain-lain pegawai dan kakitangan yang berhubung dengan orang ramai.

Pelabuhan

Rancangan yang terbesar sekali bagi pelabuhan-pelabuhan ialah projek Containerisation di Pelabuhan Kelang yang melibatkan perbelanjaan \$125 juta lebih kurang pada

keseluruhannya. Projek ini sedang dilaksanakan dengan giatnya dan dijangka akan selesai pada pertengahan tahun 1973. Adalah dijangka bahawa kapal container yang pertama dapat menggunakan kemudahan-kemudahan containerisation pada 1-8-1973. Satu lagi dermaga tambahan akan siap pada 1.9.1973.

Sejumlah \$46.86 juta akan dibelanja untuk Pelabuhan-pelabuhan di Malaysia dalam tahun 1973 dan daripada jumlah ini sejumlah \$44.14 juta adalah sebagai pinjaman kepada Lembaga-lembaga Pelabuhan.

Penerbangan Awam

Dalam tahun 1972 peristiwa yang terbesar sekali dan beritanya ialah pelancaran Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) pada 1hb Oktober, 1972. Perkhidmatan MAS sekarang berjalan dengan memuaskan dan saya yakin bahawa syarikat penerbangan kebangsaan kita akan menjadi satu syarikat penerbangan yang terkemuka di rantau ini.

Projek yang terbesar sekali di bawah Penerbangan Awam ialah pembinaan sebuah lapanganterbang di Senai, Johor Bharu di Johor yang akan memakan belanja lebih kurang \$28 juta. Projek ini sedang berjalan dengan giatnya dan mengikut jadual adalah dijangka bahawa lapanganterbang tersebut akan dapat digunakan mulai daripada bulan Julai, 1973. Suka saya menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa pembinaan lapangan yang tersebut hanya memakan masa 18 bulan. Ini satu rekod yang belum pernah barangkali dijumpai di mana-mana pun. Ini oleh sebab ada coordination, cooperation, planning dan implementation. Itulah dasar yang kita jalankan. Lapanganterbang ini akan dijadikan lapanganterbang antarabangsa di masa hadapan. Lapangan terbang antara bangsa di Pulau Pinang pula akan diperbesarkan selepas kajian halus mengenai kajian kejuruteraan. Tindakan sudah pun dimulakan untuk memperbesarkan bangunan terminal lapanganterbang antarabangsa di Subang Kuala Lumpur bagi menampung terafik-terafik yang begitu banyak bertambah dan begitu juga sekarang ini ada Jumbo daripada Qantas, tetapi kita berharap banyak lagi Jumbo yang akan datang. Lapanganterbang Kota Bharu akan juga dibesarkan lagi untuk membolehkan Kapal-terbang Boeing 737 mendarat di situ dan tidak lama lagi kerja akan dimulakan dan

kita berharap seberapa yang lekas dapat disempurnakan dan Boeing 737 akan turun ke sana.

Di Malaysia Timur juga banyak perkembangan sedang berlaku dalam bidang Penerbangan Awam. Landasan terbang di Kota Kinabalu sedang dipanjangkan kepada 9,800 kaki dan akan siap pada awal tahun 1973 ini. Mengenai lapanganterbang di Sandakan satu kajian telah dijalankan oleh Juru-juru Perunding. Di Sarawak satu kajian telah dibuat atas pembangunan lapanganterbang Kuching dan bangunan Terminal juga akan ditambah dan dibesarkan lagi dan akan dimulakan kerja tak berapa lama lagi. Sebuah lapanganterbang yang baru akan dibina di Sibu dan tanah seluas 850 ekar telahpun dikhaskan untuknya. Landasan lapanganterbang Miri akan diperbesarkan dan dipanjangkan dan kerja akan dimulakan dalam tahun ini untuk kegunaan Boeing 737.

Begitu juga berkenaan dengan Jabatan Pengangkutan Jalan. Sebuah Pejabat Pengangkutan Jalan yang baru telah dibina di Kuantan dan telahpun sempurna digunakan. Pejabat ini menggantikan pejabat yang lama di Raub sebagai ibu pejabat Pengangkutan Jalan di Pahang. Walau bagaimanapun, pejabat yang lama di Raub masih memberi perkhidmatan kepada penduduk-penduduk di Raub dan daerah-daerah berhampiran samada di Lipis dan Bentong juga. Saya suka juga menyatakan bahawa pejabat-pejabat baharu bagi Jabatan Pengangkutan Jalan di Alor Setar, Kedah, Kuala Trengganu, Trengganu dan Muar, Johor telahpun diluluskan dan pelannya sedang disediakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya. Selain daripada itu pertimbangan sedang diberi untuk mengadakan pejabat-pejabat baru di Ipoh, Melaka dan Seremban. Dengan adanya projek-projek baru Jabatan Pengangkutan Jalan akan dapat memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada orangramai.

Untuk makluman Dewan suka saya menerangkan bahawa hasil yang diperolehi daripada lesen-lesen dalam tahun 1971 oleh Pejabat Pengangkutan Jalan berjumlah \$171 juta dan bagi tahun 1972 jumlahnya ialah telah naik \$193 juta ini bermakna bertambah \$22 juta dalam tempoh setahun sahaja.

Jabatan Laut

Mengenai dengan Jabatan Laut, jabatan Laut juga sedang menghadapi satu masalah

kekurangan pegawai-pegawai laut. Bagaimanapun usaha-usaha untuk mengatasi kesulitan ini sedang dijalankan dengan cara mengambil pegawai-pegawai laut dari luar negeri secara kontrak sehingga jawatan-jawatan itu dapat diisi oleh warganegara kita sendiri nanti.

Di bawah rancangan-rancangan Jabatan Laut termasuklah 3 buah pelabuhan baharu di Johor Bahru, Kuantan dan Kuala Trengganu. Mengenai pelabuhan di Johor Bahru sebuah jeti kelapa sawit (palm oil jetty) akan siap dalam bulan Ogos tahun ini untuk digunakan bagi eksport kelapa sawit. Sebuah "general cargo wharf" yang mengandungi dua "ocean wharfs" dan satu "coastal berth" sedang dirancang dan dijangka siap pada awal tahun 1975. Jumlah perbelanjaan bagi kedua-dua projek ini dianggarkan \$25 juta. Berkenaan dengan pelabuhan di Kuantan satu kajian kejuruteraan yang halus (detailed engineering studies) sedang dijalankan. Projek ini akan dilaksanakan berperingkat-peringkat mulai tahun ini. Bagi pelabuhan di Kuala Trengganu pihak Juruperunding sedang menyediakan rekabentuk untuk pembinaan jeti.

Sebuah pejabat baharu akan dibina di Miri untuk Pejabat Laut, Sarawak dan dua "slipway" baharu akan dibina di Labuan dan Sandakan di Sabah.

Jabatan Laut Malaysia Barat telah membeli dua bot (lanci) yang baharu dengan harga \$160,700 pada tahun 1972 untuk kegunaan jabatan. Pada tahun ini sebuah lagi bot yang baharu akan dibeli dan dua buah bot lama tetapi akan dipasang dengan enjin yang baharu.

Tuan Pengerusi, saya mohon supaya peruntukan-peruntukan di bawah Kepala-kepala B. 52 hingga B. 60 berjumlah \$69,591,410 dan Kepala-kepala P. 52 hingga P. 60 berjumlah \$140,832,566 dijadikan sebahagian daripada Jadual dan diterima. Jumlah besar peruntukan bagi Kementerian saya ialah \$210,423,976.

Dr Chen Man Hin: Saya hendak bercakap sedikit di bawah Kepala Bekalan 59—Perkhidmatan Pos, dan saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) I have two or three complaints to make here concerning the postal services. One is that there is an element of

dishonesty in the service provided by the Postal Department as evidenced by the number of complaints I have received from constituents who say that their mail has been missing, especially in relation to magazines and periodicals, particularly some very popular magazines like *Far East Economic Review*, *Life*, *Time*, and the like. It is not just one complaint alone; there are quite a number of complaints, Tuan Pengerusi, and I would suggest that the Ministry concerned should look into this matter and demand absolute honesty on the part of its employees to ensure mail is delivered not only on time, but also intact without any interference. If the Minister wants to challenge this, I can give him proof from many people who claim that their mail, their periodicals, have been missing and despite applications to the postmasters concerned, no satisfactory explanation was given except "lost through post".

Tuan Pengerusi, on behalf of the Opposition, I would like to complain to the Government that they have been interfering with our mail as evidenced by the tampering of our envelopes and this, I think, is an infringement on the civil rights of an individual of this country as stated in the Constitution. We know that our telephones have been tapped. Why, I do not know. Only people who want to find out what we want to say tap our telephone. If we believe in democracy, I think this practice should be stopped. I do not know the Minister of Communications has got any power or not, but if he has, then ask the Special Branch to stop this iniquitous and unconstitutional practice right away. That is all.

Tuan Lim Cho Hock: (Dengan izin) I also have only a few points to raise. Regarding the road toll at Slim River, each time I pass this toll I am approached by the people working there to raise up one matter with the Government, and that is, they are worried about their future when this toll station is closed—in other words, when the Government decides that it has collected sufficient money and the Government wants to close this road toll at the Slim River. Now, there are about eighteen employees working at this road toll and they want to know what the Government intends to do with them when it decides to close down this collecting centre at Slim River. I hope the Government can

absorb these eighteen people into other departments and not just throw them away into the pool of the unemployed. They have been doing quite a good job.

I still wonder why the Government should collect the toll from vehicles coming from Ipoh to Kuala Lumpur and also from vehicles from Kuala Lumpur to Ipoh, instead of collecting once, say from vehicles coming from Ipoh to Kuala Lumpur or vehicles from Kuala Lumpur to Ipoh—just like the Port Commission of Penang, where formerly the practice was to collect that toll at both sides, but now they have already altered it to one way collection—that means double collection.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Pengerusi, ini di bawah Kementerian Kerja Raya dan Tenaga—the next Head.

Tuan Lim Cho Hock: Anyway, I have finished with that. Another point is that nowadays we have far too many accidents and I hope the Government can look into one aspect of it, and that is, at the moment there is a limitation period for claims against Government in respect of negligent driving by drivers of Government vehicles. Now, in Singapore I understand this one-year limitation has been done away with—it is now a 6-year period. So I hope the Government here will follow the Singapore example by doing away with this one-year limitation. In other words, if a claim is filed in court for more than a year from the date of the accident, then this claim is “time barred”. I do not know whether the Minister understands it or not.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Ini insurance law, bukan traffic law.

Tuan Pengerusi: Under what Subhead you are speaking?

Tuan Lim Cho Hock: Under Roads in general. I am talking about road accidents under communications, road safety and so on. So, I hope the Government can alter that particular law.

I would like to raise another matter with the Minister and that is in regard to the Road Transport Department in Ipoh. It is like an old shed, made of planks with zinc roof. If

you enter the building, in no time, you will just perspire because of no air-conditioning, with only a few fans here and there. Now the old Transport Department was taken over by the Government to build the State Mosque. According to this report, it says:

“The intention of the Road Transport Department is to collect Government revenue from the licensing of motor vehicles and the drivers. This revenue is the third largest in the country.”

It is the third largest, but the department has no money to build a good Road Transport Department for Perak. So, I hope the Minister will look into this.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Mr Chairman, if the Honourable Member has listened to my speech just now, he would have realised that I am trying to get the money. We are building it.

Tuan Lim Cho Hock: Thank you. I hope it will be launched very soon, it is of no use talking.

Another point I would like to raise is to cut down the incidence of road accidents. I suggest that the roads be widened and also better road surfacing be provided. Secondly, speeding on the roads should be reduced. The Minister has tried many times and has, in fact, voiced his opinion to cut down speeding on the roads, but nothing has been done. I hope something can be done to the engines, so that however much acceleration the driver applies, the maximum speed should be about 30 m.p.h. or 35 m.p.h., so that the speed will be reduced considerably, and I am sure the incidence of accidents will be reduced too. But one truth is that, one day when I was driving up from Ipoh to Kuala Lumpur, I saw a truck with a Singapore registration plate along the road. On one side of the truck I saw the wording “30 m.p.h.” was written but on the other side of it the words “35 b.s.j.” were written. So, I did not know what is what. It could be that one term applies to Singapore and the other one applies to Malaysia. But then people like us get confused and particularly tourists when they come to Malaysia. If they see two different speed limits, they will laugh at us and particularly they will laugh at the Minister. So, I hope that Minister will do something about it.

I also suggest that the visibility of the road be improved. At the moment, we have got a few corners here and there all over the country, but then you see that visibility is blocked by these over-grown lalang, trees, rubber trees in particular, and then also by hillocks. Now, the Minister should take some action to clear the lalang or the rubber trees and also to bulldoze part of hillocks, so that visibility is improved.

Further, I suggest that the Government should also look into the production of retreaded tyres. We have got original tyres produced by Dunlop Company. They are good, but then the retreaded tyres may not be good enough to provide safe driving for the drivers. Some of the retreaded tyres are all right, but then you see the others are not so good. So, the Government can set up a Research Department to set a standard for these retreaded tyres, so that the road users will feel safer and also it will be to the advantage of the drivers themselves, because very often in the accidents drivers themselves get killed. So, these are my view-points. I hope the Government will take them into consideration. Thank you.

Tuan Lim Kit Siang: *(Dengan izin)* Mr Chairman, Sir, I have only one point to make and this is with reference to the present operation exercise in Port Klang, whereby the former stevedoring workers, who were formerly under contractors are now being taken over by the Board of Port Klang. There is a lot of apprehension among the workers whether they will be re-employed by the Board of Port Klang. I would, therefore, ask the Minister concerned to give an assurance to this House that the workers numbering 10,000 will be employed by the Board of Port Klang and that there will not be over-stringent medical examinations imposed on them. For instance, most of them have been in service for 20 or 30 years and they are already 40 to 50 years old and if there is

going to be over-stringent medical examinations, they are going to be unemployed.

There is also the question of 3,000 casual workers, many of whom have also been in employment for about 8 or 9 years, and I hope that the Minister can also give an assurance that they will be employed. I understand it is proposed not to re-employ them but to replace them with trainees from Dusun Tua. I think this is unfair and that the present workers, whether temporary or contract labour, must be given first priority for employment by the Board of Port Klang.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Pengerusi, saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan terutama sekali daripada pihak Pembangkang.

Pertama sekali, saya akan menjawab teguran Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka kerana mustahak benda itu dan beliau telah mendapat assurance daripada Pengurus (Manager), Pelabuhan Kelang dan pada 22 haribulan dia telah menerangkan cara-cara mengambil orang itu. Kita memang memberi akuan bahawa kita akan perbaiki lagi segala-galanya untuk memberi latihan (training) maka itulah sebabnya kita mahu mereka bekerja kuat dan selain daripada itu

Tuan Peter Paul Dason: Tuan Pengerusi, koram tidak cukup.

(Loceng dibunyikan)

Tuan Pengerusi: Masa sudah cukup.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Dr Awang bin Hassan: Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari Isnin, 29hb Januari, 1973.

Dewan ditangguhkan pada pukul 9.00 malam.